



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHD. FUTRA BIN ABDUL GHANI  
KEJAYAAN SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW NEGARA**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD SYAMIL IMAN BIN MOHD. ZAIN</b>	<b>2013544633</b>
<b>NUR HAFIZAH BINTI MAT DAUD</b>	<b>2013779811</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**MOHD. FUTRA BIN ABDUL GHANI  
KEJAYAAN SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW NEGARA**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD SYAMIL IMAN BIN MOHD. ZAIN</b>	<b>2013544633</b>
<b>NUR HAFIZAH BINTI MAT DAUD</b>	<b>2013779811</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Pertama-tamanya, kami tuntunkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah diatas nikmat-nikmat yang diberikan kepada kami tanpa henti. Tanpa keredhaannya, tidak mungkin kami mampu untuk menyiapkan tugas ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Puan Nurul Annisa Binti Abdullah diatas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tugas ini. Semangat, kesabaran serta minat terhadap kajian ini serta maklumbalas daripada beliau yang meyakinkan membantu untuk menyempurnakan tugas ini. Moga jasa baik beliau akan diganjar dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Disini, kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani diatas kesudian beliau untuk ditemuramah, berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang telah diberi bagi menjayakan tugas dalam subjek 'Pendokumentasian Sejarah Lisan - [IMR 604]'.

Kami juga ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang tercinta di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mereka mengiringi kami mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh tugas ini. Tidak lupa juga jutaan penghargaan kepada sahabat handai yang memberikan nasihat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, kepada mereka yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tugas ini.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	xii
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	17
Bahagian 3: Kerjaya.....	19
Bahagian 4: Sebagai Pemain Sepak Takraw.....	39
i. Peringkat Awal Dalam Sukan Sepak Takraw.....	39
ii. Penglibatan Pada Peringkat Negeri.....	43
iii. Mewakili Malaysia.....	47
iv. Emas Sukan SEA Manila 2005.....	50
Bahagian 5: Anugerah Diterima.....	60
Bahagian 6: Bersara.....	61
Bahagian 7: Pengalaman Sebagai Pemain Sepak Takraw.....	65
Bahagian 8: Pandangan Mengenai Sukan Sepak Takraw Pada Masa Hadapan.....	91
Rujukan.....	102
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	105
Diari Kajian.....	109
Senarai soalan.....	111

Surat Perjanjian.....	117
Gambar.....	118
Indeks.....	121

# **ABSTRAK**



## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh iaitu Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani bersama dua orang pelajar iaitu Muhammad Syamil Iman Bin Mohd. Zain dan Nur Hafizah Binti Mat Daud. Temubual ini telah berlangsung di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu dimana tempat beliau mengajar. Temubual ini telah berlangsung pada 21 Mei 2015 bermula pada pukul 2.30 petang hingga 5.00 petang. Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani dilahirkan pada 19 September 1981. Beliau merupakan anak ke tiga daripada lima orang adik beradik. Antara faktor beliau mula berjinak-jinak dalam dunia sukan sepak takraw adalah kerana faktor keluarga. Ini kerana, ayah dan abang beliau sudah pun melibatkan diri dalam sukan sepak takraw. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak, kemudian berpindah ke Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Terengganu dan di Sekolah Kebangsaan Paloh, Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau mula bertambah aktif dalam sukan sepak takraw setelah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan kemudiannya ke Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK), Cheras, Kuala Lumpur. Temubual ini telah dibahagikan kepada 8 bahagian iaitu Latar Belakang, Sejarah Pendidikan, Kerjaya, Sebagai Pemain Sepak Takraw, Penglibatan Pada Peringkat Negeri, Mewakili Malaysia, Emas Sukan SEA Manila 2005, Anugerah Diterima, Bersara, Pengalaman Sebagai Pemain Sepak Takraw Dan Pandangan Mengenai Sukan Sepak Takraw Pada Masa Hadapan. Temubual banyak memfokuskan kepada sejarah hidup dan juga pengalaman beliau dalam dunia sukan sepak takraw.*

**Kata kunci:** *Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani, Sepak Takraw, Emas Sukan SEA Manila 2005, Malaysia.*

# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



- Nama Penuh** : Mohd. Futra Bin Abdul Ghani
- Kelahiran** : 19 September 1981
- Alamat Surat Menyurat** : 305 Kg. Paya Lima Amas,  
Jalan Sultan Mizan,  
21200, Kuala Nerus,  
Terengganu
- Jantina** : Lelaki
- Bangsa** : Melayu
- Pendidikan  
(Rendah, Menengah dan  
Tinggi)** : **PENDIDIKAN RENDAH**
- Sekolah Kebangsaan Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak
  - Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Terengganu
  - Sekolah Kebangsaan Paloh, Kuala Terengganu, Terengganu
- PENDIDIKAN MENENGAH**
- Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- PENDIDIKAN TINGGI**
- Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK), Cheras, Kuala Lumpur
- Nama Isteri** : Norzalizan Binti Zakaria
- Hobi** :
- Bermain sepak takraw
  - Bermain bola sepak

- Kerjaya** :
- Guru (Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu)
  - Jurulatih Sepak Takraw (Sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu, Terengganu)
  - Bekas pemain Sepak Takraw Negara

**Sumbangan** : **MSSM TAHUN KEJAYAAN**

**BAWAH 15 TAHUN**

- Mewakili Negeri Terengganu 1993 (Tempat Ke - 3)
- Mewakili Negeri Terengganu 1994 (Suku Akhir)
- Mewakili Negeri Terengganu 1995 (Separuh Akhir)
- Mewakili Negeri Terengganu 1996 (Johan)

**BAWAH 18 TAHUN**

- Mewakili Negeri Terengganu 1997 (Johan)
- Mewakili Sekolah Sukan Bukit Jalil 1998 (Johan)

**ASEAN SCHOOL**

- Mewakili Malaysia Di Bangkok 1998 (Naib Johan)
- Mewakili Malaysia Di Langkawi 1999 (Naib Johan)

**BAWAH 23 TAHUN**

**SUKMA TAHUN KEJAYAAN TEMPAT**

- Mewakili Negeri Terengganu 1996 (Separuh Akhir Pahang)
- Mewakili Negeri Terengganu 1998 (Suku Akhir)
- Mewakili Negeri Terengganu 2000 (Johan)
- Mewakili Negeri Selangor 2002 (Johan)

**PERINGKAT KEBANGSAAN/NEGERI TAHUN KEJAYAAN TEMPAT**

- Mewakili Selangor (GRAND PRIX) 2001 Johan Selangor
- Mewakili Selangor (GRAND PRIX) 2002 Johan Johor
- Mewakili Selangor (PIALA EMAS KHIR JOHARI) 2003 Johan P. Pinang
- Mewakili PDRM (PIALA EMAS KHIR JOHARI)

- 2008 Suku Akhir Kedah
- Mewakili PDRM(PIALA EMAS KHIR JOHARI) 2009 Separuh Akhir K.Lumpur
  - Mewakili PDRM(PIALA EMAS KHIR JOHARI) 2010 Johan Msn B.Jalil
  - Mewakili Selangor(PIALA EMAS KHIR JOHARI) 2011 Johan Sarawak

**MEWAKILI NEGARA TAHUN KEJAYAAN**  
**TEMPAT**

- Dipanggil latihan untuk Skuad Negara 1999
- Mewakili Malaysia (SEA GAMES) 2003 Pingat Perak Vietnam
- Mewakili Malaysia(SUPERSIRIES) 2004 Johan Vietnam
- Mewakili Malaysia(SUPERSIRIES) 2005 Johan Korea
- Mewakili Malaysia(SEA GAMES) 2005 Johan(GOLD MEDAL) Filipina
- Mewakili Malaysia(ASIAN GAMES) 2006 Pingat Perak Qatar
- Mewakili Malaysia (ASIAN GAMES) 2010 Pingat Perak China

**ANUGERAH TAHUN**

- Ahli Mahkota Terengganu (AMT) 2004
- Anugerah Khas Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) 2005
- Anugerah Melayu Cemerlang 2005
- Anugerah Melayu Cemerlang 2006

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

## 1. ASAL-USUL SEPAK TAKRAW

Sepak takraw atau sepaktakraw merupakan sejenis permainan di antara dua pasukan atau regu yang dianggotai oleh tiga orang pemain bagi setiap regu. Mempunyai jaring yang memisahkan di antara kedua-dua regu dan dimainkan di gelanggang yang berukuran sama seperti gelanggang badminton. Bola takraw pula pada asalnya diperbuat daripada rotan dan kini telah digantikan dengan penggunaan bola sintetik.

Sepak raga pula merupakan permainan menimang bola takraw dalam bulatan dengan menggunakan kaki atau kepala dan telah dimainkan semenjak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Dalam Sulalatus Salatin ada menceritakan mengenai Raja Muhammad, putera Sultan Mansor Shah Muhammad yang tertanggal tanjaknya akibat terkena bola raga tendangan Tun Besar.

Di Malaysia permainan ini disebut 'sepak raga', di Filipina 'sipa', di Burma 'chinlone', di Laos 'kator', dan di Thailand 'takraw'. Permainan sepaktakraw yang ada sekarang merupakan adaptasi permainan sepak raga dan badminton. Pada tahun 1940an permainan ini telah dimainkan dengan menggunakan jaring dan mengikut sistem kiraan mata seperti badminton. Undang-undang dan peraturan awal permainan sepak raga jaring telahpun digubal dan disusun secara bertulis pada 15 April 1960 di Kuala Lumpur. En Hamid bin Mydin merupakan orang yang diiktiraf sebagai pencipta dan pengasas kepada Sepakraga Takraw oleh UMNO bahagian Jelutong, cawangan Jalan Patani, Pulau Pinang.

Sepaktakraw mula dipertandingkan buat pertama kalinya di peringkat antarabangsa pada tahun 1965 di Sukan SEAP yang telah diadakan di Malaysia. Sebelum Jawatankuasa Pengelola Sukan SEAP menerima sukan ini, perbincangan yang hangat telah berlaku di antara wakil-wakil Malaysia dan Singapura dengan wakil-wakil dari Negara Thai dan Burma bagi membincangkan mengenai dengan nama permainan ini. Akhirnya atas dasar bertolak ansur, Jawatankuasa Pengelola Sukan SEAP telah

memutuskan bahawa permainan ini hendaklah dinamakan permainan SEPAK TAKRAW, iaitu gabungan perkataan 'sepak' dan 'takraw' menjadi satu perkataan.

Dan kini permainan sepaktakraw telahpun mengalami evolusi dimana permainan bergu yang dimainkan oleh dua orang pemain bagi setiap pasukan telahpun diperkenalkan.

## **2. TEKNIK-TEKNIK DALAM PERMAINAN SEPAK TAKRAW**

Percubaan untuk dapat bermain sepak takraw yang baik haruslah mengenal dan mampu menguasai keterampilan yang baik tentang asas bermain sepak takraw. Untuk itu, seseorang atlet itu haruslah menguasai teknik-teknik asas dalam permainan sepak takraw.

Teknik asas bermain sepak takraw menurut Ratinus Darwis:

- a. Sepak Sila adalah menyepak bola dengan menggunakan kaki bahagian dalam. Gunanya untuk menerima dan menimbang bola, mengumpan dan menyelamatkan dari serangan pihak lawan.
- b. Sepak Kuda (Sepak Kura) adalah dimana sepakan dengan menggunakan kura kaki atau dengan punggung kaki. Ia digunakan untuk menyelamatkan bola dari serangan pihak lawan yang mamna memainkan bola dengan usaha menyelamatkan bola dan mengambil bola yang rendah.
- c. Sepak Cungkil pula adalah menyepak bola dengan menggunakan kaki iaitu jari kaki. Ianya digunakan untuk mengambil bola yang jauh, rendah dan bola-bola yang tersasar dari sekatan.
- d. Menapak adalah menyepak bola dengan menggunakan telapak kaki. Ianya digunakan untuk : smash (serangan) kepada pihak lawan, menahan atau menyekat serangan daripada pihak lawan dan juga menyelamatkan bola berhampiran jarring.
- e. Sepak Simpuh atau Sepak Badek adalah menyepak bola dengan kaki bahagian luar atau samping luar. Ianya digunakan untuk menyelamatkan bola daripada pihak lawan dan mengawal bola dalam usaha penyelamatan.



- f. Sundulan (heading) adalah memainkan bola dengan kepala. Ianya digunakan untuk menerima bola pertama dari pihak lawan dan juga menyelamatkan bola dari serangan lawan.
- g. Mendada adalah memainkan bola dengan dada, digunakan untuk mengawal bola untuk dapat dimainkan dengan selanjutnya.
- h. Memaha adalah memainkan bola dengan paha dalam usaha mengawal bola yang mana ianya digunakan untuk menahan, menerima dan menyelamatkan bola dari serangan lawan.
- i. Membahu adalah memainkan bola dengan bahu dalam usaha mempertahankan dari serangan pihak lawan yang mendadak, dimana pihak pertahanan dalam keadaan terdesak dan dalam posisi yang kurang baik.

### **3. TEKNIK KHUSUS SEPAK TAKRAW**

Teknik khusus dalam permainan sepak takraw adalah cara bermain sepak takraw, bagaimana permainan itu dimulai dan apa yang harus dilakukan. Setelah bola dikuasai, tindakan apa yang harus dilakukan untuk membuat serangan sehingga serangan itu mendapat hasil atau nilai bagi regunya. Antara teknik khusus dalam permainan sepak takraw adalah:

- a. Sepak Mula (Servis) adalah sepakan yang dilakukan oleh 'tekong' kearah lapangan lawan sebagai cara memulai permainan. Suatu gerak yang penting dalam permainan sepak takraw, kerana mata dapat dibuat oleh regu yang melakukan servis. Tujuan suatu servis hendaklah dipusatkan dengan pengacuan permainan atau pertahanan lawan sehingga kita dapat mengatur serangan yang mematikandan sulit menerima bola oleh pihak lawan.
- b. Smash pula adalah pukulan yang utama dalam penyerangan untuk mencapai usaha dalam kemenangan. Tujuannya adalah mendapatkan mata dari pihak lawan dan mematikan permainan lawan.
- c. Block (menahan) adalah salah satu dari beberapa gerak kerja bertahan untuk menghalang serangan dari pihak lawan yang melakukan smash. Tujuannya adalah menggagalkan serangan dari lawan untuk mendapatkan mata.

#### 4. PERATURAN PERMAINAN SEPAK TAKRAW

##### a. Gelanggang

- i. Gelanggang Sepak Takraw adalah sama saiz dengan gelanggang Badminton iaitu : 13.40m x 6.10 m.
- ii. Sepak Takraw dapat dimainkan didalam gedung atau diluar gedung (apabila dimainkan didalam gedung maka tinggi loteng adalah minimal 8m dari lantai).
- iii. Keempat isi gelanggang ditanda dengan cet atau lakban yang lebarnya 4cm, diukur dari pinggir sebelah luar.
- iv. Keluasan bebas minimal 3m dari garis luar lapangan bebas dari rintangan.
- v. Pusat bulatan iaitu garis tengah dengan lebar 2cm.
- vi. Suku bulatan iaitu garis satu per empat lingkaran di penjuru garis tengah jejari 90cm diukur dari garis sebelah dalam.
- vii. The service circle adalah lingkaran servis dengan jejari 30cm berada di tengah gelanggang, jarak dari garis belakang 2.45m dan jarak dari titik tengah garis lingkarang kegaris tengah (Centre Line) 4.25m, jarak titik tengah lingkaran adalah 3.05m dari kiri dan kanan garis pinggir gelanggang.

##### b. Ukuran tiang net

- i. Lelaki : Tinggi net 1.55m dipinggir dan minimal 1.52 dibahagian tengah.
- ii. Wanita: Tinggi net 1.45m dipinggir dan minimal 1.42 dibahagian tengah.
- iii. Kedudukan tiang 30cm diluar garis pinggir.

##### c. Jaring atau net

- i. Net diperbuat daripada tali atau benang kuat atau nilon, dimana tiap lubangnya lebar 6-8cm.
  - ii. Lebar net 70 cm dengan panjang 6.10m.
- d. Bola takraw
 

Diperbuat daripada plastik dimana adalah diperbuat daripada rotan dengan ukuran:

  - i. Lingkaran 42-44cm untuk lelaki dan 43-45cm untuk wanita.
  - ii. Berat adalah 170-180g untuk lelaki dan 150-160g untuk wanita.
- e. Pemain-pemain
  - i. Permainan ini dimainkan oleh 2 'Regu'. Masing-masing regu terdiri daripada 3 orang pemain dan disetiap regu dilengkapi oleh seorang pemain cadangan.
  - ii. Seorang daripada tiga pemain posisi belakang disebut back atau pun 'Tekong'. Ia adalah sebagai penyepak mula untuk memulai sesuatu permainan.
  - iii. Dua orang berada didepan yang beradapada sebelah kiri tekong disebut 'Apit Kiri' dan yang berada pada sebelah kanan tekong disebut 'Apit Kanan'.

## 5. KESALAHAN-KESALAHAN

- a. Kesalahan pihak penyepak bola
  - i. Apabila sebagai pelambung masih memainkan bola, melemparkan pada bola teman sendiri, memantulkannya, melempar dan menangkap lagi setelah pengadil menyebut posisi angka.
  - ii. Apabila mengangkat kaki, menginjak garis, menyentuh atau melepasi garis bawah net ketika melakukan lambung bola.
  - iii. Tekong melompat ketika melakukan servis, kaki tumpuan tidak berada dalam lingkaran atau menginjal garis lingkaran servis.
  - iv. Tekong tidak menyepak bola yang dilambung kepadanya.

- v. Bola menyentuh salah seorang pemain sendiri sebelum bola melewati net.
  - vi. Bola jatuh diluar gelanggang.
  - vii. Bola tidak melewati net.
- b. Kesalahan pihak penerima servis
- Berusaha mengalihkan perhatian pihak lawan seperti isyarat tangan, menggeretak, bersuara keras atau membuat kekecohan.
- c. Kesalahan kedua dua belah pihak
- i. Ada pemain yang mengambil bola di gelanggang pihak lawan.
  - ii. Menginjak atau melewati satu telapak kaki garis tengah.
  - iii. Ada pemain yang melewati gelanggang lawan, walaupun diatas atau dibawah net kecuali pada ketika 'The Follow Through Ball'.
  - iv. Memainkan bola lebih daripada 3 kali.
  - v. Bola terkena tangan.
  - vi. Menahan atau mengepit bola antara lengan dan badan antara dua kaki dengan bola.
  - vii. Bola mengenai loteng atau sekatan lainnya.
- d. Sistem perhitungan mata
- i. Apabila penerima servis melakukan kesalahan, secara automatik akan memperoleh mata sekaligus melakukan sepak mula lagi bagi penyepak mula.
  - ii. Mata kemenangan setiap set maksimum 21 mata, kecuali pada ketika posisi mata 20-20, pemenang akan ditentukan pada saat selisih dua mata sampai had akhir 25 mata, ketika 20-20 pengadil utama memberitahu had mata 25.
  - iii. Memberikan kesempatan berehat selama 2 minit masing-masing pada akhir set pertama atau kedua termasuk 'Tie Break'.

- iv. Apabila masing-masing regu memenangkan satu set, maka permainan akan dilanjutkan dengan set 'Tie Break' dengan 15 mata kecuali pada posisi 14-14, pemenang akan ditentukan pada selisih dua angka sampai had akhirnya mata 17.
- v. Sistem perhitungan mata menggunakan 'Relly Poin'.

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Mohd. Futra Bin Abdul Ghani dimana beliau merupakan seorang yang diaktif dalam dunia sepak takraw sejak kecil lagi. Faktor dan dorongan daripada keluarga adalah antara sebab utama mengapa beliau melibatkan diri dalam dunia sepak takraw. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EF : Encik Mohd. Futra Abdul Ghani  
MSI : Muhammad Syamil Iman  
NH : Nur Hafizah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

**NH : Rakaman ini dibuat di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu bersama tokoh Encik Mohd. Futra Abdul Ghani dan penemubual Muhammad Syamil Iman dan Nur Hafizah. Rakaman ini dibuat pada jam dua dua puluh lima [2.25] petang.**

**MSI : Okay, Assalamualaikum [selamat sejahtera ke atas kamu] Encik.**

**EF : Waalaikumussalam [selamat sejahtera ke atas kamu juga].**

**MSI : Okay, soalan pertama saya -- apakah nama penuh Encik Futra?**

**EF : Nama penuh saya Mohd. Futra Bin Abdul Ghani.**

- MSI** : **Okay. Bilakah Encik dilahirkan?**
- EF** : Pada sembilan belas September seribu sembilan ratus lapan puluh satu [19 September 1981].
- 
- MSI** : **Okay. Apakah umur Encik?**
- EF** : Umur saya tiga puluh empat [34] tahun.
- 
- MSI** : **Okay. Semasa kecil Encik tinggal di mana? Asal? Tempat asal Encik?**
- EF** : Semasa saya kecil, saya -- selepas dilahirkan saya duduk -- saya tinggal bersama nenek. Umur saya bermula dua [2] bulan sehingga lapan [8] tahun, selepas tu [itu] saya dipindahkan ke Terengganu, Malaysia. Disitulah masa kecil saya.
- 
- MSI** : **Okay. Adakah Encik dah beristeri ataupun tak (tidak)?**
- EF** : Ya, saya sudah beristeri.
- 
- MSI** : **Apakah nama Encik -- isteri Encik**
- EF** : Norzaliza Zakaria.

**NH** : **Boleh Encik Futra ceritakan bagaimana Encik Futra pertama kali berjumpa isteri Encik Futra?**

**EF** : Ketika tu [itu] saya belajar di MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas] masa tu [itu] dia [isteri] baru balik daripada -- dia -- program dengan UK [United Kingdom] masa tu [itu] disitulah...

**MSI** : **Dia [isteri] pun belajar dekat sana?**

**EF** : Dia [isteri] belajar -- gurulah. Dia TESL [*Teaching English as a Second Language*]. Disitulah saya berjumpa dengan isteri saya pada masa itu.

**MSI** : **Pada tahun berapakah Encik dan isteri berkahwin?**

**EF** : Dua ribu lapan [2008].

**NH** : **Adakah isteri Encik turut menyertai dalam sukan sepak takraw?**

**EF** : Dia [isteri] tidak sepenuhnya. Hanya saya sorang [seorang] sahaja.



**NH** : **Adakah isteri Encik surirumah ataupun bekerja?**

**EF** : Dia [isteri] seorang pendidik dan seorang guru.

**MSI** : **Pendidik -- guru? Disekolah?**

**EF** : Di sekolah Sukan Bukit Nenas, Setiu, Terengganu. Sebagai akademik, guru akademiklah.

**NH** : **Berapa lamakah isteri Encik Futra bekerja di sana?**

**EF** : Di sekolah sukan?

**NH** : **Ya.**

**EF** : Dalam tiga [3] tahun.

**MSI** : **Adakah ibu dan ayah Encik Futra masih hidup?**

**EF** : Ya, masih hidup sekarang ini.

- MSI** : **Mereka berasal dari mana?**
- EF** : Ayah saya berasal dari Terengganu, ibu saya berasal dari Perak.
- MSI** : **Beralih kepada pekerjaan ibu dan ayah Encik Futra. Apakah pekerjaan ibu dan ayah Encik Futra?**
- EF** : Ayah saya bekerja sebagai bekas pesara polis. Sekarang sudah bersara dan ibu saya sebagai suri rumah sepenuh masa.
- NH** : **Bolehkah Encik Futra jelaskan bagaimana Encik Futra mula berjinak dalam sukan sepak takraw?**
- EF** : Saya berjinak asal dia ayah sayalah sebab dia sebagai ketua jurulatih sepak takraw negeri Terengganu. Dalam masa yang sama saya pun diberi latihan oleh ayah saya. Disitulah mulanya saya berjinak-jinak dengan sukan sepak takraw.
- NH** : **Bagaimanakah ayah Encik Futra daripada seorang polis menjadi seorang pemain sepak takraw? Pemain dan jurulatih?**
- EF** : Dia [ayah] sebenarnya dia memang pandai dengan sepak takraw. Bila pandai, polis ambil dia bekerja. Disitulah maknanya dia [ayah] bermain sepenuh masa sebagai seorang pemain sepak takraw.

**MSI** : **Adakah itu yang mendorong Encik Futra utuk menyertai PDRM [Polis DiRaja Malaysia]? Sebagai pemain?**

**EF** : Sedikit dalam tiga puluh [30] % [peratus] untuk saya bermain dengan PDRM [Polis DiRaja Malaysia]. Mungkin orang kata ayah saya poliskan. Jadi, kalau naikkan nama polis okaylah. Kalau ayah saya tak [tidak] polis, mungkin peratusan saya nak main tu [itu] mungkin tidak adalah.

**NH** : **Adakah ayah Encik Futra seorang yang tegas dalam mengajar sepak takraw?**

**EF** : Sudah tentulah sebab dia [ayah] pun seorang polis. Jadi ketegasan tu [itu] tidak dapat lari.

**MSI** : **Adakah ayah Encik Futra juga seorang pemain professional sepak takraw?**

**EF** : Dia [ayah] hanya diperingkat negeri sahaja.

**NH** : **Pernahkah Encik Futra dirotan oleh ayah Encik Futra?**

**EF** : Selama saya ingat ni tak [tidak] pernah lagilah. Cuma kena marah tu [itu] biasalah.

- MSI** : **Okay. Apakah hobi Encik selain daripada sepak takraw?**
- EF** : Saya main bola. Tapi saya main bola pun saya masa sekolah rendah je [sahaja]. Lepas tu [itu] saya tak [tidak] berani main bola sebab bola ni keras. Jadi saya takut sampai sekarang nak main bola saya jadi takut. Sebab main takraw ni, dia lembut sikit. Bola ni dia keras sikit kan? Minat pun minatlah. Tapi kalau main pun *goalkeeper* [penjaga gol]. Kalau ada -- [ketawa] suka suka sahajalah.
- NH** : **Pernahkah Encik Futra mengalami kecederaan semasa bermain bola sepak?**
- EF** : Sebelum -- semasa sekolah rendah memang saya main bola. Saya memang minat main bola. Tapi ayah saya memang dia tegas untuk bermain takraw. Jadi di situlah -- lepas tu (itu) saya tengok *injured* [cedera] banyak bola. Jadi saya tak [tidak] berani.
- MSI** : **Pada masa kecil Encik, apakah cita-cita Encik?**
- EF** : Cita-cita saya ...

- MSI** : **Adakah guru ataupun polis?**
- EF** : Memang jauh sekali lah guru ni tidak. Bukan perancangan awallah guru ni. Cuma kita masa tu [itu] -- cita-cita saya nak berjaya dalam hidup.
- NH** : **Adakah memang nak menjadi seorang ahli sepak takraw?**
- EF** : Saya pun tidak terfikir sebenarnya. Tapi disebabkan faktor keluarga -- tapi lebih kepada bola lah.
- MSI** : **Seperti yang kita ketahui, keluarga Encik lebih kepada sepak takraw, bagaimana Encik boleh berminat dalam bola sepak?**
- EF** : Sebab kita punya pengaruh daripada peringkat sekolah memang bola dulu, betul tak [tidak]? Masa rehat main bola, lepas sekolah main bola. Jadi kita mesti ada rasa minat kat [dekat] situ. Dekat situlah saya pun terpilih mewakili sekolah pada masa itu. Tapi ayah saya membuat satu penegasan. Kalau nak main bola, main bola. Kalau main takraw, main takraw. Jangan bercampur-campur. Takut jadi masalah dari segi kecederaan. Jadi saya ambil keputusan untuk main takraw lah.

**NH** : **Apakah pasukan yang menjadi kegemaran Encik Futra?**  
**Pasukan bola sepak maksud saya.**

**EF** : **Diperingkat mana itu?**

**MSI** : **Negara dan antarabangsa**

**EF** : **Kalau dalam Negara ni Selangor. *International* [Antarabangsa]  
MU [*Manchester United Football Club*] lah.**

**MSI** : ***Saya Liverpool [Liverpool Football Club]***

**EF** : **Seterulah [ketawa].**

**MSI** : **Pemain kegemaran Encik?**

**EF** : ***Rooney [Wayne Rooney]* lah kalau *international* [antarabangsa].**

**MSI** : **Kalau dekat negara?**

**EF** : **Amri Yahyah [Mohd. Amri Yahyah].**

**MSI** : **Bagaimana Encik minat Amri Yahyah? [Mohd. Amri Yahyah]?**

**EF** : Sebab kalau -- bagus soalan itu. Sebenarnya sebab kalau tengok umur, dia lebih kurang saya. Tapi sebab apa dia boleh berjaya? Sebab dia punya disiplin yang tinggi. Lepas itu, dia rajin. Itu antara faktorlah sebab itu saya suka dia. Beliau menjadi pendorong kepada saya dan juga orang lain.

**NH** : **Pernahkah Encik Futra merasa macam menyesal menyertai sepak takraw berbanding bola sepak? [bunyi cicak].**

**EF** : Kalau adik -- kalau tanya saya -- kalau duduk dalam kalangan keluarga yang takraw, kita akan menjadi orang takraw. Jadi kita tidak boleh nak larilah. Nak kata menyesal dulu mungkin kita tidak fikir. Sekarang ni banyak masalah apakan. Kalau takraw ni sama dengan bola, mungkin kita tidak akan menyesal. Sama dengan bola maksud saya dari segi pembayaran. Kalau gaji bola RM 80, 000. Takraw ni Allah RM 20 sehari [ketawa].

**MSI** : **Encik juga seorang atlet negara. Pernahkah Encik berjumpa dengan Amri Yahyah di kem?**

**EF** : Pernah tapi untuk -- dia hanya sekali -- kalau kita jumpa untuk kem kan untuk semua sukan, bola baru datang. Sebab dia [Football Association Malaysia] duduk dekat Kelana Jaya kan FAM [*Football Association Malaysia*]. Jadi tidak sekali.

MSI : **Semasa di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] pun tidak pernah?**

EF : Jumpa untuk di kem sahajalah.

MSI : **Tak bercakap?**

EF : Tak bercakap.

MSI : **Kenapa Encik minat Rooney, kenapa MU [*Manchester United Football Club*]? Kenapa tidak Liverpool [*Liverpool Football Club*]? [ketawa].**

EF : Mungkin *first impression*... [tanggapan pertama] -- maknanya saya tengok MU [*Manchester United Football Club*] itu dah bagus macam itu. Kalau mungkin kebetulan saya tengok Liverpool [*Liverpool Football Club*]l bagus, mungkin saya minat Liverpool. Kebetulan mungkin masa tahun itu dia [*Manchester United Football Club*] tengah mercu. Tapi saingan dia [*Manchester United Football Club*] masa itu *Michael Owen* [*Michael Owen*] lah masa itu. Lepas itu saya minat dari segi pengurusan *Ferguson, Alex* [*Alex Ferguson*].



**MSI** : **Sekarang MU [*Manchester United*] pun dah tak [tidak] stabil sejak *Alex Ferguson* tiada. -- Encik tidak berminat menjadi polis seperti ayah Encik?**

**EF** : Apabila berkecimpung dalam bidang sukan ini, kita sudah tidak terarah kepada pakaian uniform. Lebih kita minat pada sukan pada masa itu. Lepas itu baru kita fikir untuk kerjaya, “apa aku nak kerja” pada masa itu kan. Jadi pandangan daripada *parents* (ibubapa) supaya ambil gurulah dia (ibubapa) sebab dari segi apa, terjaminnya kerjaya itu kan. Kalau -- sebab saya ada pilihan pada masa itu samada nak ambil UiTM [Universiti Teknologi Mara] ataupun MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas] pada masa itu. Jadi saya pilih maktablah.

**MSI** : **Berapakah bilangan adik beradik Encik?**

**EF** : Adik-beradik saya lima [5] orang.

**MSI** : **Encik anak ke berapa?**

**EF** : Saya anak yang ke-tiga [3].

**NH** : **Berapakah bilangan lelaki dan berapa pula bilangan perempuan dalam keluarga Encik?**

**EF** : Empat lelaki, seorang perempuan.

**MSI** : **Apakah pekerjaan adik beradik Encik Futra yang perempuan?**

**EF** : Perempuan, dia sebagai pembantu tadbir di USIM [Universiti Sains Islam Malaysia]. Yang lain abang saya yang sulung di Maybank, yang ke-2 bekerja sendiri. Cuma yang bongsu dia masih lagi di UniSZA [Universiti Sultan Zainal Abidin], *degree* [ijazah] di sana.

**NH** : **Adakah adik beradik Encik Futra semuanya sudah berumahtangga?**

**EF** : Kecuali yang bongsu [bunyi burung].

**NH** : **Berapakah umur adik Encik Futra?**

**EF** : Umur dia dua puluh satu [21].

**NH** : **Adakah masing-masing tinggal berdekatan dengan Terengganu ataupun semuanya merantau?**

**EF** : Semuanya di KL [Kuala Lumpur]. Ya, merantau.

**NH** : **Adakah adik beradik Encik Futra yang lain turut bermain sepak takraw.?**

**EF** : Ya. Adik beradik saya pun turut terlibat. Antaranya abang sayalah Mohd. Firdaus Abdul Ghani, seorang bekas pemain sepak takraw negara yang kali terakhir beliau bermain [deringan telefon] di Sukan Asia Busan, Korea Selatan dua ribu dua [2002].

**MSI** : **Okay. Ayah Encik merupakan seorang jurulatih sepak takraw. Pernahkah dia [ayah] menjadi jurulatih skuad negara?**

**EF** : Dia [ayah] tidak pernah.

**MSI** : **Hanya peringkat negeri?**

**EF** : Hanya peringkat negeri dan juga PDRM (Polis DiRaja Malaysia).

**MSI** : **Adakah dia yang mendorong Encik Futra untuk menjadi atlet?**

**EF** : Salah satu faktorlah, dorongan yang sangat kuatlah daripada dia.

**NH** : **Bagaimana pula kepada abang Encik Futra yang juga pemain sepak takraw?**

**EF** : Itu pun antara pendorong jugaklah. Mulanya abang sayalah sebagai yang sulung, dia yang minat takraw dan saya mengikuti jejak langkah keluarga dan juga adik beradik.

**NH** : **Pernahkah ayah Encik Futra mengajar teknik-teknik yang Encik Futra lakukan semasa bermain?**

**EF** : Sudah tentulah. Dia akan ajarkan saya -- supaya menjadi ingatan dan tidak melakukan kesilapan. Setiap kali saya turun *training* [latihan] petang-petang, dia selalu ingatkan saya benda ini tak [tidak] boleh buat, benda ini tak [tidak] boleh buat. Jadi dekat situ saya belajar, proses pembelajaran berlaku dekat situ.

**MSI** : **Adakah ayah Encik Futra memberikan teknik-teknik rahsia ataupun pergerakan?**

**EF** : Itulah yang saya katakan tadi. Mungkin di luar saya tidak dapat ilmu macam itu. Tetapi apabila dengan ayah kita sendiri, dia banyak bagitahu perkara-perkara yang perlu. Kalau jurulatih luar tu dia [jurulatih luar] mungkinlah dia [jurulatih luar] punya ilmu itu nak dapat itu jauh sikitkan. Kalau dengan ayah kita ni, sekejap je [sahaja] untuk dapat. Itu beza dia.

**NH** : **Setahu saya, Encik Futra mempunyai seorang anak. Adakah anak Encik Futra juga berminat dalam sepak takraw?**

**EF** : Dia [anak] perempuan. Jadi sekarang umur dia [anak] enam [6] tahun. Dia [anak] tidak minatlah. Dia [anak] suka tengok pada perlawanan.

**NH** : **Adakah dia [anak] macam tunjuk minat untuk mewakili skuad wanita macam kita tahu skuad wanita kurang pada masa sekarang?**

**EF** : Saya pun tidak menggalakkan dia bermain sepak takraw. Kalau dia [anak] minat pun memang saya tidak akan bagi [ketawa].

**MSI** : **Encik tinggal dekat mana kawasan ini?**

**EF** : Saya tinggal di Batu Enam, Kuala Terengganu. *So* [jadi] perjalanan daripada rumah kesini dalam setengah jam.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN**

**MSI** : **Dimanakah Encik mendapat pendidikan awal persekolahan? Sekolah rendah hingga Maktab?**

**EF** : Seperti yang saya katakan tadi, di peringkat awal saya di Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak. Saya duduk disitu sehingga tidak silap saya, umur saya tujuh tahun. Saya pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak. Selepas umur saya lapan tahun, saya bertukar di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Terengganu dan bertukar lagi di Sekolah Kebangsaan Paloh, Kuala Terengganu, Terengganu lagi. Itu lah antara pendidikan awal persekolahn saya di peringkat sekolah.

**MSI** : **Okay. Di sekolah Encik, apakah mata pelajaran kegemaran Encik di sekolah? Adakah Encik aktif sukan atau tak [tidak]?**

**EF** : Mata pelajaran kegemaran saya ialah Bahasa Melayu.

**MSI** : **Apakah pencapaian Encik ketika di sekolah?**

**EF** : Pencapaian dari segi apa? Akademik ke?

**MSI** : **Ko-kurikulum dan akademik.**

**EF** : Kalau sebut ko-kurikulum, memang saya aktif. Terutama sukan sepak takraw. Kalau akademik ni saya berada di tingkatan tiga terus saya berpindah ke Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun '97 [1997] masa itu. Jadi itulah pencapaian saya dalam sukan sepak takraw.

**MSI** : **Pada masa tersebut, bagaimanakah Encik mengimbangkan masa antara belajar dan sepak takraw?**

**EF** : Kita terpaksa berkorbanlah. Pengorbanan tu kena ada untuk berjaya. Antaranya kita kadang dulu -- saya bila habis *game* [perlawanan] satu minggu, hari Ahad kita dah habis *game* [perlawanan]. Isnin kita ada kelas. Jadi kita terpaksa balik awal. Kalau kita pergi Johor dah habis, kita terpaksa balik awal untuk kita jangan *skip* [ponteng] kelas dekat situ.

**MSI** : **Semasa di sekolah, apakah kenangan manis yang Encik tidak dapat lupa dari segi pencapaian Encik di sekolah?**

**EF** : Kenangan manis saya banyak dari segi pencapaian sepak takraw dimana saya mampu menaikkan nama sekolah diperingkat negeri dan juga kebangsaan. Itulah kenangan manislah.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA**

**MSI** : **Teruskan kepada kerjaya Encik. Sekarang ini apakah pekerjaan Encik Futra?**

**EF** : Saya sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Hulu Nerus.

**MSI** : **Sudah berapa lamakah Encik menjadi seorang guru?**

**EF** : Sudah dua belas [12] tahun.

**NH** : **Sebelum Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Hulu Nerus, dimana Encik Futra mengajar?**

**EF** : Saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor selama sepuluh tahun dan tahun lepas baru saya berpindah di Kuala Terengganu. Ini sekolah yang ke dua [2].

**MSI** : **Sebagai seorang guru, subjek apakah yang Encik mengajar?**

**EF** : Subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan juga Bahasa Melayu.



**MSI** : **Pada pendapat Encik, apakah perbezaan suasana di sekolah pada zaman dahulu dan kini?**

**EF** : Pada pendapat saya, perbezaan suasana sekolah memang jauh ketaralah sebenarnya. Dari segi belajar, dari segi suasana, dari segi pengurusan, memang sangat-sangat berbeza dan juga peningkatan kos dari segi kewangan. Dari segi hiburan, dan juga banyak perkara yang kalau kita katakan memang sangat-sangat berbeza. Bukan kita tidak boleh spesifik kepada pelajar sahaja, dia lebih umum diperingkat sekolah sebenarnya.

**NH** : **Boleh Encik Futra terangkan bagaimana Encik Futra dari seorang atlet dan menjadi terlibat dalam bidang akademik dan menjadi seorang guru?**

**EF** : Saya bermula memang aktif ketika saya -- umur saya dipindahkan ke Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Apabila pindah sana, saya memang aktif. Lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya menerima tawaran sebagai emased perguruan masa itu selama tiga [3] tahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas masa itu. Jadi dalam masa yang sama, saya juga aktif dalam sukan sepak takraw. Disitulah saya bergerak untuk ke peringkat negeri, saya bermain untuk Selangor, saya bermain untuk kelab. Dalam masa yang sama saya membahagikan masa lah antara saya belajar dan juga saya bermain sepak takraw. Disitulah bermulanya selepas Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

- NH** : **Adakah bidang untuk mengajar ataupun bermain sebagai atlet negara lebih mencabar? Adakah mengajar ataupun bermain? Sebagai seorang atlet, atlet ataupun guru lebih mencabar bagi Encik?**
- EF** : Bagi saya, pendapat saya, dua-dua mencabar. Dalam bidang perguruan dan juga bidang atlet. Semuanya sama. Tetapi dalam sudut konsepnya, berlainanlah. Cuma kita sebagai manusia, kita perlu bijak bagaiman nak berjaya sebagai seorang atlet dan kita perlu bijak bagaiman nak berjaya sebagai seorang guru.
- NH** : **Di Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Hulu Nerus, adakah Encik Futra ada nampak beberapa pelajar atau yang aktif dan ada bakat dalam sukan sepak takraw? Prospek untuk masa hadapan untuk Sepak takraw.**
- EF** : Kalau dilihat di peringkat sekarang ini, kita -- orang kata pendalamanlah dalam ni [kawasan Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Hulu Nerus]. Nak kata pendalaman pun tak (tidak) juga. Kira separuhlah orang katakan. Mereka [pelajar] berbakat. Cuma perlu dibudayakan sukan di peringkat sekolah lagi kerana disini murid hanya lima puluh empat [54] orang. Jadi yang murid itulah untuk program ini, murid itulah untuk projek ini, jadi tidak berapa cukup untuk kita nak buat semua murid ini untuk banyak program. Jadi kita perlu -- kalau dari segi soalan yang bertanya tadi dari segi prospek untuk sukan itu, kita perlu membudayakan sukan di peringkat Pendidikan Jasmani dan Kesihatan lagi. Maknanya subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan ni kita perlu bagitahu apa kelebihan main bola, apa kelebihan main takraw. Jadi dekat situ dia akan *training* [berlatih] lah. Kalau sebelum ini sebelum saya datang, mungkin dari segi budaya sukan itu dia [pelajar] sikit. Maknanya balik rumah, dia [pelajar] main petang-petang je [sahaja] kan. Jadi mungkin sebab saya seorang atlet

iskanadan ada lagi seorang cikgu itu dia pun ada pengalaman seperti saya, jadi kita membudayakan sukan di peringkat sekolah untuk mendapat lebih prospek.

NH : **Setahu saya, sekarang ini dunia sepak takraw bukan sahaja untuk kaum lelaki, tetapi juga untuk kaum perempuan. Adakah pelajar di sekolah ini dari golongan perempuan ada yang terlibat dalam sukan sepak takraw?**

EF : Pelajar, mereka hanya berminat. Di peringkat pelajar mereka hanya berminat. Saya tidak membawa mereka ke peringkat yang lebih tinggilah sebab di peringkat sekolah kita tidak ada sukan perlawanan. Hanya lelaki sahaja. Jadi, untuk *recommendation* [cadangan] daripada saya kalau dia [pelajar perempuan] minat, bolehlah kita bawa. Tapi untuk peringkat sekolah, lawan kita tidak ada.

NH : **Bilangan pelajar lelaki ataupun perempuan yang lebih ramai di sekolah ini?**

EF : Bilangan itu dia *balance* [seimbang]. Tidak kata ramai dan tidak kata kurang. Ada setengah kelas -- dia satu kelas sahaja. Tahun Satu [1], satu [1] kelas, Tahun Dua [2] sampai Tahun Enam [6], dia satu [1] kelas sahaja.

**NH** : **Berapa lama Encik Futra belajar di MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas] Cheras?**

**EF** : Saya belajar lebih kurang tiga [3] tahun di sana lepas tu...

**NH** : **Terus diserap menjadi guru?**

**EF** : Baru sahaja habis *degree* [ijazah].

**MSI** : **Sekolah pertama pada tahun berapa Encik mula-mula mengajar?**

**EF** : Mengajar?`

**MSI** : **Ya. Tahun pertama. Tahun berapakah?**

**EF** : Dua ribu dua [2002]. Sekolah Kebangsaan Taman Medan, Petang Jaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

**MSI** : **Encik diserap ke Skuad Negara dua ribu berapa? Seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan [1999]?**

**EF** : Seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan [1999].

MSI : **Bagaimanakah -- tak [tidak] rasa *pressure* [tekanan] tak [tidak]?**

EF : Dah biasa dah.

MSI : **Mengajar lagi?**

EF : Sudah biasa.

MSI : **Bagaimana ada *time* [masa] Encik mengajar, lepas itu ada kejohanan?**

EF : Kita mintak pelepasanlah dengan pihak sekolah. Setiap petang saya akan pergi ke sekolah sukan [Sukan Bukit Nenas, Setiu] untuk saya latih pasukan sepak takraw SUKMA (Sukan Malaysia) Negeri Terengganu yang akan berlangsung pada tahun hadapan dua ribu enam belas [2016].

MSI : **Bawah apa?**

EF : Bawah dua puluh satu [21] tahun. Yang sibuk sekarang ini lah pasal diorang [atlet SUKMA sepak takraw] akan berpindah tempat daripada Bukit Nenas ke Kompleks Sukan Gong Badak. Jadi ada masalah sikit-sikit. Jadi saya sebagai ketua jurulatihlah dan saya juga berada di sekolah. Jadi saya *fulltime* [sepenuh masa] dekat situ. Tugas yang sangat beratlah sebenarnya bagi saya.

**MSI & NH** : **Encik seorang ketua jurulatih. Apakah disiplin mereka tinggi semasa bermain ataupun macamana?**

**EF** : Dari segi disiplin ini kita kena perlu tarik talilah dengan *player* [pemain]. Kita tidak boleh nak keras sangat. Sebab saya *player* [pemain], jadi saya tahulah kan. Kalau kita berkeras sangat mungkin kita tidak dapatlah apa yang kita nak. Jadi pandai-pandailah gunakan psikologi untuk mendapat disiplin yang baik.

**MSI** : ***Player* [pemain] Encik tu terdiri daripada pelajar sekolah ataupun pelajar IPT [Institut Pengajian Tinggi]?**

**EF** : Berumur dua puluh satu [21] tahun. Maknanya umur boleh dua puluh [20] boleh, tujuh belas [17] boleh, lapan belas [18] boleh.

**MSI** : **Campur?**

**EF** : Campurlah. Lapan belas [18], sembilan belas [19], dua puluh [20]. Tujuh belas [17] pun ada.

**MSI** : **Okay, dalam kalangan *player* [pemain] Encik itu adakah berpotensi untuk menjadi atlet?**

**EF** : Ada. Atlet negara?

**MSI** : Ya, atlet negara ataupun *player* [pemain] *international* [antarabangsa]?

**EF** : Kita dah *sign* [tandatangan] MOU (Memorandum of Understanding) pasukan Terengganu ataupun Persatuan Takraw Negeri Terengganu, kita dah *sign* [tandatangan] MOU [*Memorandum of Understanding*] dengan pasukan Thailand. Untuk membawa pasukan ini pergi ke Thailand, kita berlatih dekat sana [Thailand] dan kita masuk satu Super League [Liga Super] professional dengan dia [Thailand].

**MSI** : **Skuad-skuad SUKMA [Sukan Malaysia] ini?**

**EF** : Ya.

**MSI** : **Dekat mana dekat Thailand?**

**EF** : Nakhon Pathom, Thailand. Saya baru balik semalam.

**NH** : **Pelajar-pelajar berasal daripada kawasan sekitar mana?**

**EF** : Seluruh negeri Terengganu.

**MSI** : **Dekat Thailand, mereka sertai Liga itu setiap tahun ataupun bulan-bulan?**

**EF** : Tahun ini kita diberi peluang.

**MSI** : **Barulah?**

EF : Ya. Baru tahun ini.

**MSI** : **Bila Liga tu *start* [mula]?**

EF : Bulan enam.

**MSI** : **Jadi Encik sibuklah ke Thailand?**

EF : Saya mungkin akan *stay* [tinggal] sanalah untuk memantau dari segi prestasi dan target kita diperingkat SUKMA [Sukan Malaysia] nanti.

**MSI** : **SUKMA [Sukan Malaysia] pada tahun berapa?**

EF : Tahun depan. Dua ribu enam belas [2016] bulan lima [Mei] dekat Sarawak.

**MSI** : **Target itu memang nak emas lah?**

EF : Ya. Kita memang nak emaslah. Tiga [3] emas.



- MSI** : **Juara bertahan atau tak [tidak]?**
- EF** : Kita masih lagi -- adalah orang kat menyumbang pingat emas kepada pasukan.
- 
- MSI** : **SUKMA [Sukan Malaysia] sebelum ini, siapakah juara bertahan sepak takraw?**
- EF** : Dia juara bertahan dari segi kumpulan menguasai sepenuhnya, kalau juara bertahan ini -- kalau sepak takraw dia banyak kategori. Jadi nak juara bertahan ini, kategori pasukan ...
- 
- MSI** : **Ada kategori?**
- EF** : Ya. Dia ada kategori. Kalau juara keseluruhan adalah KL [Kuala Lumpur].
- 
- MSI** : **Terengganu juga merupakan banyak melahirkan atlet-atlet di peringkat negara. Bagaimanakah Encik melatih mereka? Adakah di sekolah sukan sini [Sekolah Sukan Bukit Nenas] sahaja ataupun ke tempat-tempat lain?**
- EF** : Kita kumpul dia [atlet] di satu kawasan, satu tempat, dan kita akan latihlah. Diberi elaun, diberi makan, diberi tempat tinggal.

- MSI** : **Latihan selama berapa lama?**
- EF** : Selama dua tahun. Bermula tahun lepas [2014]. Bulan lapan [8] tahun lepas [Ogos, 2014].
- MSI** : **Bagaimanakah cara untuk menarik, meningkatkan persefahaman bagi cara encik sendirilah?**
- EF** : Saya perlu -- seperti yang saya katakana tadi, kita perlu bertolak ansur apa kehendak pemain dan mereka perlu tahu apa tujuan dia [pemain] main sepak takraw ini. Dan mereka pula menghormati saya sebagai jurulatih dan mereka pun mengenali saya siapa saya. Jadi memudahkan kerja sayalah. Jadi dia [pemain] banyak *respect* [menghormati] lah. Mudahlah.
- NH** : **Adakah ada pelajar di Sekolah Sukan [Sekolah Sukan Bukit Nenas] yang memang terdiri daripada golongan -- maksud saya, keluarga yang terlibat dengan atlet?**
- EF** : Tidak adalah. Lebih kepada orang kata mereka ini berbakat di peringkat sekolah. Itu sahaja.
- NH** : **Ada daripada kaum wanita ataupun lelaki sahaja?**
- EF** : Ada. Wanita pun ada.

- NH : **Untuk bermain sepak takraw? Umur?**
- EF : Tujuh belas [17] tahun.
- MSI : **Okay, apakah cara latihan lelaki dan perempuan berbeza ataupun sama?**
- EF : Sudah tentulah berbeza. Lelaki ini kita *strong* [kuat]. Jadi dia punya intensity beban kerja itulah. Kalau lelaki angkat berat itu sepuluh kilogram, perempuan mungkinlah tiga [3] kilogram ataupun empat [4] kilogram. Kalau jogging, ke apa, mungkinlah lelaki empat puluh [40] minit. Perempuan mungkin dua puluh [20] minit.
- MSI : **Dalam senarai jurulatih Encik, adakah pelatih perempuan dilatih jurulatih lelaki ataupun perempuan?**
- EF : Jurulatih lelaki sebab kita sebelum ini ada jurulatih perempuan, tapi dapat *posting* [pertukaran] sebagai seorang guru. Jadi di *take over* [ambil alih] oleh jurulatih lelaki.
- MSI : **Adakah *player* [pemain] perempuan ini selesa ataupun kurang selesa dilatih oleh jurulatih lelaki?**
- EF : Saya tidak mendengarnya apa ini rungutan daripada perempuan mengatakan tidak selesa. Mungkin lebih mengangap kepada apa ini orang tua, *respect* [hormat] lah. Itu sahaja.

- MSI** : **Berapa ramaikah jurulatih?**
- EF** : Lebih kurang dalam dua [2] orang untuk lelaki dan dua [2] orang untuk wanita.
- 
- MSI** : **Tak ramailah?**
- EF** : Tak ramai.
- 
- NH** : **Bilangan peserta dekat sana?**
- EF** : Sekarang peserta lebih kurang dalam dua puluh lima [25] orang dan perempuan lebih kurang sama dua puluh lima [25] orang.
- 
- NH** : **Adakah Encik Futra nampak kaum wanita ini mampu untuk menaikkan sepak takraw?**
- EF** : Mereka pernah memberi pingat emas sebenarnya pasukan sepak takraw wanita Terengganu. Pernah menyumbangkan pingat emas sebenarnya.
- 
- NH** : **Pada tahun berapa?**
- EF** : Pada tahun kalau tak [tidak] silap saya, pada tahun dua ribu dua belas [2012].

**MSI** : Adakah *player* [pemain] Encik ini dipanggil oleh skuad negara?

**EF** : Ada. Tapi kita tidak benarkanlah sebab mereka dalam program kita. Sukar, susah untuk kita atur program di peringkat Terengganu, Malaysia.

**MSI** : Apakah fokus Encik bersama dengan skuad-skuad Encik? Fokus utama sekarang ini?

**EF** : Fokus utama saya lebih kepada *teamwork* [kerja berpasukan] dan juga disiplin.

**MSI** : Fokus dari segi SUKMA [Sukan Malaysia] ni untuk mendapat emaslah?

**EF** : Ya, tiga [3] emas.

**MSI** : Semua kategorilah?

**EF** : Ya, semua kategori.

**MSI** : Lelaki dan perempuan?

**EF** : Saya lelaki.

**NH & MSI** : Selain daripada Terengganu, ada tidak negeri lain yang mempunyai kaum wanita yang tinggi dalam sepak takraw? Cabaran dari negeri lain?

**EF** : Kalau negeri lain semua dah ada sekarang ini. Sabah yang paling hebatlah.

**NH** : Kalau di Kelantan?

**EF** : Kelantan saya kurang pasti.

**NH** : Kenapa Encik Futra kata Sabah hebat?

**EF** : Sebab dia [Sabah] dapat tiga [3] pingat emas tahun lepas [2014]. Dia [Sabah] dapat kategori pasukan dan beregu.

**MSI** : Apakah perbezaan Sabah dan negeri lain dari segi kejurulatihan?

**EF** : Sabah menggunakan khidmat jurulatih Thailand.

**MSI** : Bagaimana dengan segi *infrastructure* [infrastruktur] disana?

**EF** : Lebih kurang kita sahaja. Tapi dari segi tektikal, teknikal itu Thailand yang ada kelebihanlah.

MSI : **Sebenarnya, apakah tektikal dalam sepak takraw? Kelebihan *coach* [jurulatih] lain dengan *coach* [jurulatih] lain?**

EF : Dia bergantung kepada *knowledgeable* [berpengetahuan]. Maknanya *knowledge* [pengetahuan] seorang jurulatih kan. Kalau katakan yang bawa *team* [pasukan] takraw ini pemain ragbi, apa yang dia tanyakan? Mungkin dari segi tektik, dari segi *conditioning* [kecergasan]. *Conditioning* [kecergasan] maksud dia kecergasan dia tahu. Tapi dari segi teknikal takraw, dia tidak tahu. Itulah perbezaannya. *Knowledge* [pengetahuan] seorang jurulatih itu yang membezakan antara yang lain.

MSI : **Adakah permainan sepak takraw ini bergantung kepada nasib?**

EF : Bagi saya tidak bergantung kepada nasib. Tidak ada secara kebetulan sebenarnya. Kalau kita ada usaha, kalau kita ada matlamat dan kita ada apa orang kata doa, insyaAllah saya rasa dia tidak ada nasiblah.

MSI : **Dalam sepak takraw ni, apakah ciri-ciri *coach* [jurulatih] yang berjaya? Seperti yang kita ketahui dalam bola sepak, formasi dan juga strategi juga perlu lebih efektif. Dalam sepak takraw ini, apakah ciri-ciri *coach* [jurulatih] yang efektif lah? Sebab kita lihat permainan sepak takraw ini macam lebih kurang samakan susunan *player* [pemain] pun sama. Bagaimana *coach* [jurulatih] yang baiklah? Untuk melahirkan *coach* [jurulatih] yang baik?**

EF : Kalau sebagai bekas pemain, saya dah tahulah apa yang perlu dibuat sebelum pertandingan. Kita ada *plan predication* [pelan pra perancangan] untuk *two years* [2 tahun]. Kita ada *plan* [rancangan] kita apa yang perlu kita buat. Enam [6] bulan, enam [6] bulan, enam [6]

bulan, enam [6] bulan [setiap enam bulan]. Itu kita punya perancangan kita. Itu dari segi *plan* [perancangan]. Dari segi kita nak masuk kejohanan, sebelum kejohanan, semasa, selepas. Jadi, ciri efektif dia, *knowledgeable* [berpengetahuan] lah kita kena ada. *Knowledge* [pengetahuan] itu sebagai seorang pemain dan juga sebagai seorang pengurus.

**MSI** : **Semasa pertandingan, hari menjelang pertandingan, apakah *coach* [jurulatih] sentiasa buat kepada *player* [pemain]? Memberi *motivation* [motivasi] ataupun apa yang diperlukan?**

**EF** : Kita *free and easy* [bertolak ansur] tapi dalam keadaan terkawal. Bukanlah kita kongkong dia. Tapi kita lepaskan dia kalau kita ada pertandingan. Kata kadang-kadang dia [pemain] ini mungkinlah lewat malam balik. Tapi kita nasihatkan dia [pemain] balik sebelum pukul sepuluh malam. Tapi dalam keadaan terkawal benda itu. Tapi kita lepaskan dia [pemain]. Itu maksud sayalah. Kalau kejohanan ini, kita perlu mengawallah.

**NH** : **Pada pendapat Encik Futra, adakah mudah untuk seseorang individu itu untuk mahir dalam sepak takraw jika dia [pemain] tidak mempunyai minat dalam sepak takraw?**

**EF** : Macam mana soalan itu?



**NH** : Adakah mudah untuk dia [pemain] mahir dalam sepak takraw atas sebab paksaan untuk bermain sepak takraw dan bukan niat dia [pemain] untuk main sepak takraw?

**EF** : Kalau paksaan, tak [tidak] dapat. Dia kena minat sebab takraw *boring* [bosan]. Takraw ini dia kena timbang betul tak [tidak]? Dia kena timbang. Bola ini dia tidak *boring* [bosan]. Bola ini kita gelec-gelec sumbat gol. Takraw ini dia kena seni sepak takraw. Dia kena timbang, dia kena fleksibel. Jadi menerusi minatlah yang membawa pemain itu akan orang kata apa dapat *skill* [kemahiran] individu dan juga bakat. Minat dan bakat.

**MSI** : Dalam permainan sepak takraw ini, kalau -- adakah masa dalam timbangan bola dikira ataupun tiga [3] kali sentuhan?

**EF** : Tiga [3] kalilah.

**MSI** : Kalau tidak boleh, dikira batal?

**EF** : Ya.

**NH** : Adakah ada larangan lain semasa bermain sepak takraw?

**EF** : Tangan tak [tidak] boleh.

**NH** : **Tak [tidak] boleh kena tangan?**

**EF** : Tidak boleh kena tangan. Lepas itu ...

**MSI** : **Kepala boleh?**

**EF** : Kepala boleh. Melambatkan masa.

**MSI** : **Dada tidak boleh?**

**EF** : Dada boleh, tiada masalah. Kecuali tanganlah. Ada dua tiga perkara lain yang membatalkan. Contohnya dia [sepak takraw] tidak boleh dua [2] kali timbang.

**MSI** : **Orang sama tidak boleh tiga kali?**

**EF** : Boleh. Tidak ada masalah.

**NH** : **Soalan seterusnya, saya hendak tanya apa yang Encik Futra tahu tentang sejarah sepak takraw?**

**EF** : Apa yang saya tahu tentang sejarah sepak takraw ini, asal dia daripada perkataan jaringlah, yang saya tahu. Sepak jaring. Lama-kelamaan, Thailand pun menuntut ia pun dia [sepak takraw] punya. Myanmar pun menuntut dia punya. Akhirnya, sepak takraw itu dulu daripada jaring bertukar jadi sepak takraw. Sepak kita [Malaysia] punya perkataan,

takraw itu daripada Thailand.

**MSI** : **Takraw itu bermaksud jaringlah?**

**EF** : Takraw itu pun saya tidak pasti makna dia apa. Tapi permainan tersebutlah.

**NH** : **Boleh Encik Futra ceritakan bola sepak takraw diperbuat daripada apa?**

**EF** : Ia daripada sintetik. Getah sintetik.

**MSI** : **Diperingkat antarabangsa adakah bola itu keras seperti dekat kedai?**

**EF** : Ya biasa. Tapi dia [bola sepak takraw] adalah untuk dewasa, untuk budak-budak. Dia [bola sepak takraw] adalah dia punya kod *number* [nombor].

**MSI** : **Mula-mula Encik [bunyi cicak] menyentuh bola, adakah sakit kena bola?**

**EF** : Tak [tidak] biasa main mungkin sakitlah. Tapi lama-lama tidak ada masalah.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW**

##### **i) PERINGKAT AWAL DALAM SUKAN SEPAK TAKRAW**

- MSI** : **Okay, sekarang ini beralih kepada Encik sebagai pemain sepak takraw. Pada peringkat awal, seperti yang kita ketahui Encik ini merupakan bekas atlet negara. Bolehkah Encik ceritakan sedikit keadaan mula-mula Encik menceburi sukan sepak takraw?**
- EF** : **Seperti yang saya katakan tadi, ayah saya sebagai ketua jurulatih sepak takraw dan saya -- disitulah saya mula menceburi sukan sepak takraw dan minat dan saya pun terpilih di peringkat sekolah menengah dan sehinggalah saya terpilih ke peringkat yang lebih tinggi untuk masuk di Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia.**
- MSI** : **Siapakah tokoh Encik Futra dalam sepak takraw?**
- EF** : **Tokoh sepak takraw yang paling saya kagumi ramai. Tetapi salah satu antaranya ialah Rehan Mat Din [Rehan Mohamad Din].**
- MSI** : **Bolehkah Encik ceritakan sedikit mengenai tokoh tersebut? Mengapa Encik Futra mengkagumi beliau?**
- EF** : **Saya kagumi beliau sebab walaupun Rehan Mat Din [Rehan Mohamad Din] dia bukan zaman saya. Saya tidak pernah tengok dia bermain. Tetapi zaman sekarang ini apabila saya berjumpa dengan pemain-pemain yang lama, mereka sentiasa bercerita tentang Rehan Mat Din [Rehan Mohamad Din] ini. Maknanya**

orang yang hebat, orang akan bercerita. Disitu saya mengkaji beliau. Siapakah Rehan Mat Din [Rehan Mohamad Din] ini. Dekat situ saya mendapat tahu apa kelebihan beliau. Sebab itu saya mengkagumi beliau. Itulah sedikit sebanyak yang saya ...

- NH** : **Dari mana asalnya tokoh tersebut? Adakah di Malaysia?**
- EF** : Ya, tokoh tersebut daripada Malaysia. Daripada negeri Johor, Malaysia dan merupakan pemenang pingat emas sebanyak tujuh. Dia pemegang tujuh pingat emas. Sejarah dalam sepak takraw. Saya pun satu.[ketawa] Nak dapat bukan senang.
- NH** : **Seperti yang kita ketahui, Encik Futra aktif dalam sepak takraw sudah lama. Bolehkah Encik Futra menceritakan serba sedikit kenangan semasa bermain di bawah MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] peringkat bawah lima belas [15], lapan belas [18] dan dua puluh tiga [23]?**
- EF** : Terima kasih atas soalan sebab soalan macam ini memang bagus sebenarnya. Kalau diikutkan, kenangan ini memang kita sebagai atlet ini, nak cerita pada orang itu, mungkinlah tidak ada orang nak soal kita macam ini. Tapi sebenarnya kita sebagai atlet ini apabila diperingkat umur lima belas [15], saya pun dah bermain. Dah pergi merata lah bermain. Disitu saya kumpul pengalaman saya. Saya kenal dengan orang ini, orang di negeri lain, disitu saya menimba ilmu dalam sukan sepak takraw sehinggalah saya merangkul beberapa pencapaian terbaik. Antaranya pemain terbaik saya dapat. Sehinggalah umur saya lapan belas [18] tahun, saya mewakili SUKMA [Sukan Malaysia] negeri

Terengganu, mendapat pingat emas untuk SUKMA [Sukan Malaysia]. Itu antara kenangan yang baik masa umur saya lapan belas [18] tahun. Ketika umur lapan belas [18] tahun, saya dipanggil mewakili negara untuk menjalani latihan dan pada tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan [1999] saya dipanggil dan tahun dua ribu [2000] sehinggalah hujung tahun '99 [1999] saya keluar daripada skuad untuk belajar. Selepas itu saya sambung baliklah untuk kejohanan di Sukan Asia di Busan, Korea. Itu sedikitlah kenangan saya orang kata semasa -- kalau ikutkan MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] ini hanya untuk bawah umur lapan belas [18]. Dua puluh tiga [23] ini bukan MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] lagilah. Jadi nak ceritakan pengalaman MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia] ini itulah tadi. Bawah lapan belas [18] tahun itu tadi. Maknanya kita bawah lapan belas [18] ini, saya seronok, ghairah untuk bermain masa itu. Akademik itu kuranglah sedikit senang nak ceritalah. [ketawa].

- NH** : **Adakah Encik Futra bermain sepak takraw atas dasar minat ataupun sebab ayah Encik Futra aktif dalam dunia sepak takraw?**
- EF** : Mungkin disebabkan keluarga sayalah. Disitu bermula minat saya dalam sepak takraw. Kalau ayah saya main pingpong, mungkin akan main pingpong [ketawa]. Jadi, bermula daripada keluarga.

**NH** : **Umur berapakah Encik Futra mula minat kepada dunia sepak takraw?**

**EF** : Umur berapa tu saya kurang lasti. Sebab masa itu yang saya ingat, saya dah ikut ayah saya pergi kejohanan. Disitulah timbulnya minat.

**MSI** : **Seperti yang kita ketahui, sepak takraw [bunyi telefon] lebih kepada timbangan bola. Bagaimanakah Encik mula-mula mempelajari teknik timbangan bola?**

**EF** : Kalau penceritaan saya itu daripada awal belajar dengan ayah sayalah. Jadi bila saya timbang bola, yang kali pertama saya hadapi sakitlah. Bola itu tidak biasa. Keras. Lepas itu [Selepas itu] saya dihantar ke Klinik Sepak takraw dengan harapan masa itu program MSSM [Majlis Sukan Sekolah Malaysia]. Masa itulah pertama kali saya dalam sukan sepak takraw bila saya menimbang bola.

**TAMAT BAHAGIAN 4 (i)**

## ii) PENGLIBATAN PADA PERINGKAT NEGERI

- MSI** : **Okay, beralih kepada peringkat negeri, Encik juga merupakan seorang pemain sepak takraw peringkat negeri. Apakah negeri yang Encik wakili?**
- EF** : Selepas berhijrah ke Selangor, saya belajar di MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas] Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia. Saya ditawarkan mewakili negeri Selangor pada tahun dua ribu satu [2001]. Disitulah bermulanya karier saya di peringkat negeri. Jadi itulah. Selangor adalah di peringkat negeri, merupakan negeri yang saya wakili.
- MSI** : **Selepas Selangor, adakah negeri-negeri lain yang Encik wakili?**
- EF** : Apabila kita dah berada satu nama yang besar dalam sukan sepak takraw, antaranya yang panggil saya, PDRM [Polis DiRaja Malaysia]. Saya pun pernah bermain di Terengganu untuk Terengganu. Jadi maknanya tiga negeri; Selangor, PDRM [Polis DiRaja Malaysia] dan Terengganu.
- MSI** : **Apakah kejohanan pertama Encik menangi semasa mewakili Selangor?**
- EF** : Kejohanan pertama saya merangkul kemenangan kejohanan GP PRIX [GRAND PRIX] di Selangor ketika itu pada tahun dua ribu satu [2001]. Itulah.



**MSI** : **Bolehkah Encik Futra cerita serba sedikit kejayaan-kejayaan yang Encik kecapai semasa mewakili negeri-negeri Encik; Selangor, Terengganu dan PDRM [Polis DiRaja Malaysia]?**

**EF** : Kalau nak ikutkan banyak kejayaan lah. Tidak tertulis lah saya punya...

**MSI** : **Kejayaan yang paling bermakna bagi Encik?**

**EF** : Dalam sukan sepak takraw, dia ada Piala Emas Khir Johari. Itu piala berprestij *every year* [setiap tahun] setiap tahun kan. Boleh saya katakan, saya simpulkan kejayaan piala emas ini lebih kurang dua tiga kalilah saya menang. Saya wakili Selangor, Polis [Polis DiRaja Malaysia] pun saya menang. Selama Polis (Polis DiRaja Malaysia) yang tidak pernah menang selama dua puluh [20] tahun. Alhamdulillah mungkin rezeki saya main masa itu saya menang. Jadi -- dan juga peringkat umur dua puluh satu [21] saya mendapat johan dan saya bermain untuk kelab pun tidak pernah mengecewakanlah. Boleh saya katakan.

**NH** : **Adakah faktor daripada rakan dalam pasukan itu membuatkan membuatkan Encik Futra berkobar-kobar untuk menang?**

**EF** : Boleh saya katakan faktor daripada rakan-rakan yang orang kata sama baik dengan saya. Maknanya dari segi kemahiran bagus sama dengan saya. Tapi faktor yang lain adalah daripada kami sendiri. Dari segi disiplin kita. Kalau kita tidak cukup

*training* [latihan], macam mana kita nak ada kejayaan, betul tidak?

**MSI : Okay, bagaimana pula pendapat Encik, pandangan Encik dalam sukan sepak takraw dalam peringkat negeri?**

**EF : Peringkat negeri kita masih ...**

**MSI : Adakah banyak pembaharuan ataupun pendedahan kepada atlet-atlet lain?**

**EF : Tidak ada pembaharuan. Kalau berbalik apa yang saya katakan tadi, kita punya takwim kejohanan pun tidak ada. Kejap ada kejap tidak ada. Jadi saya pun tidak tahulah.**

**MSI : Kenapa tidak tubuhkan kelab atau persatuan sendiri sepak takraw?**

**EF : Saya?**

**MSI : Ya. Persatuan bekas-bekas pemain.**

**EF : Dah [Sudah]. Kita sudah ada persatuan bekas-bekas pemain. Saya pun terlibat juga.**

**MSI** : **Encik sebagai jawatan apa?**

**EF** : Saya AJK [ahli jawatankuasa] biasa.

**MSI** : **Kenapa tidak buat pertandingan-pertandingan?  
Melibatkan negeri-negeri untuk menarik golongan ...**

**EF** : Kita tidak ada dana yang secukupnya. Sebab kita atas tiket persatuan bekas pemain. Mungkin dalam masa yang sama masing-masing sibuk. Kita *just* [hanya] buat *group* [kumpulan] ini untuk melantang bersuara membantu sukan sepak takraw tanah air.

**TAMAT BAHAGIAN 4 (ii)**

### iii) MEWAKILI MALAYSIA

- NH : Untuk soalan seterusnya, apabila Encik Futra telah mewakili negara Malaysia. Boleh Encik Futra menceritakan bagaimana mula-mula Encik Futra bermain di peringkat negara? Mula-mula dipanggil skuad, apakah perasaan Encik semasa dipanggil?
- EF : Semestinya teruja kerana masa tu [itu] saya bersama nama-nama besarlah seperti Suhaimi Yusof, nama-nama yang gah pada masa tu. Jadi sudah tentunya saya menanam satu azam untuk jadi seperti mereka. Itulah antara orang kata apa...
- MSI : Okay, semasa dipanggil oleh skuad negara, berapakah umur Encik ketika itu?
- EF : Lapan belas [18] tahun. Seribu sembilan ratus sembilan puluh Sembilan [1999].
- NH : Adakah terdapat saringan untuk Encik Futra masuk ke dalam skuad negara ataupun terus diserap masuk selepas mewakili...
- EF : Ada saringan. Dia [pemilihan] ada saringan. Dia [pemilihan] *open* [terbuka] kepada bawah, tak (tidak) silap saya bawah dua puluh satu [21] tahun, lepas [selepas] tu [itu] dia akan pilihlah untuk peringkat pelapis, untuk peringkat nak diserapkan, lepas [selepas] tu [itu] untuk peringkat *senior* [lama]. Jadi saya ni orang kata diperingkat pelapis untuk diserapkan kepada dalam *team* [pasukan].

MSI : **Okay, apakah kejohanan pertama yang Encik sertai sebagai pemain Malaysia?**

EF : Kejohanan pertama pada tahun dua ribu tiga [2003], saya mewakili negara di Vietnam, Sukan SEA Vietnam [Sukan Asia Tenggara]. Itulah kejohanan pertama yang saya wakili.

MSI : **Apakah perasaan Encik pada mula-mula, adakah gemuruh? *Game* [Perlawanan] pertama sebagai pemain Malaysia, pemain negara?**

EF : Dia -- gemuruh tu tidak dapat lari lah. Cuma kita -- tanggungjawab kepada negara yang harus dipikul ataupun saya fikirkan di dalam fikiran saya.

MSI : ***Game* [Perlawanan] pertama Encik, apakah -- negara manakah yang Encik lawan?**

EF : Ketika itu pasukan Myanmar.

MSI : **Di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] ?**

EF : Di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara], dalam kumpulan.

**MSI** : **Berapa lamakah Encik aktif sebagai pemain negara?**

**EF** : Saya aktif -- '99 [1999] saya dipanggil. Hujung '99 [1999] saya keluar untuk saya *study* [belajar] di MPIK [Maktab Perguruan Ilmu Khas], pada tahun dua [2] -- sehinggalah pada tahun dua ribu dua [2002], saya habis diploma perguruan, saya masuk untuk *selection* [pemilihan] di Sukan Asia, Busan. Saya di *drop* [gugurkan] ataupun saya tidak terpilih. Lepas [Selepas] tu [itu] dua ribu tiga [2003], saya masuk balik untuk kejohanan di Vietnam. Dua ribu empat [2004], saya dalam skuad. Dua ribu lima [2005], saya dalam skuad. Dua ribu enam [2006], saya dalam skuad. Dua ribu tujuh [2007], saya keluar skuad, *team* [pasukan]. Lapan, sembilan [2008, 2009], tiada dalam *team* [pasukan]. Sepuluh [2010], saya masuk balik untuk di Sukan Asia, Guangzhou, China. Itulah...

**TAMAT BAHAGIAN 4 (iii)**

iv) **EMAS SUKAN SEA MANILA 2005**

MSI : **Okay, sepanjang bergelar atlet negara ni, apakah kejohanan yang paling bermakna yang pernah Encik menangi?**

EF : Sudah tentulah saya dapat pingat emas lah pada tahun dua ribu lima [2005] di Sukan *Phillipines* [Filipina]. Itulah kenangan.

MSI : **Itulah kejayaan-kejayaan manis Encik?**

EF : Ya.

MSI : **Kita fokus kepada emas Encik di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara], Manila dua ribu lima [2005]. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai persiapan Encik ketika mula-mula -- menjelang Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] bersama rakan-rakan atlet yang lain?**

EF : Sudah tentu persiapan sebelum -- menjelang Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] ni kita tahu Thailand merupakan satu pasukan yang kuat. Jadi, saya pun tidak beranggapan saya mampu membawa pingat emas. Tapi kita buat mana yang boleh sebagai atlet negara, sudah tentunya kita ada matlamat nak johan ataupun nak pulang pingat emas. Jadi, saya melihat *teamwork* [kerjasama] kerana pada masa itu hanya sukan *inter-regu* [antara regu] satu regu sahaja dipertandingkan, kategori regu. Kategori pasukan tidak dipertandingkan. Jadi, saya lima orang - - *sorry* [maaf], regu dan juga *double* [berpasangan], bermain dua orang yang dipertandingkan. Jadi, seramai lapan orang

hanya pergi ke Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] untuk persiapanlah. Disitu serba sedikitlah menjelang Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] dan saya pun memang *target* [sasaran] untuk menanglah. Itu serba sedikitlah.

MSI : **Apakah sasaran -- Encik target pingat emas kan? Apakah sasaran pihak pengurusan sebenarnya, *target* [sasaran] utama untuk sepak takraw?**

EF : *Target* [sasaran] utama memang sudah tentu pingat emas. Saya pun sebagai pemain pun pingat emas. Itulah *target* [sasaran] dia.

MSI : **Okay, apakah perasaan Encik semasa mula-mula mewakili negara? *Game* [Perlawanan] pertama di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara]? Adakah itu Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] pertama atau tak [tidak]?**

EF : Itu Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] yang ke dua [2].

MSI : **Yang kedua [ke-2]?**

EF : Ya.



- MSI** : **Apakah perasaan Encik?**
- EF** : Apabila Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] di Vietnam sudah berlangsung, sudah tentunya saya mahu membuat yang terbaiklah di peringkat Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] yang kedua ni, dua ribu lima [2005] di *Phillipine* [Filipina] ni. Jadi, perasaan saya tidak lagi ada gemuruh tapi lebih kepada untuk menjulang maruah negara masa itu.
- NH** : **Boleh Encik Futra bezakan antara permainan Encik Futra semasa Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] yang pertama dan Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] yang kedua [ke-2]?**
- EF** : Kalau diikutkan memang jauh, sangat-sangat jauh, berbeza pada Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] yang pertama. Tetapi, pada dua ribu tiga [2003], kita dah habis di Vietnam, kita adakan latihan yang khusus, yang spesifik, satu tahun kita buat persiapan. Disitulah persiapan kita berlatih di Thailand, banyak *friendly* [perlawanan persahabatan] dengan pasukan-pasukan yang hebat. Itu antara persiapan kita.
- MSI** : **Okay, difahamkan sepak takraw ni merupakan permainan berpasukan. Siapakah regu Encik pada masa itu?**
- EF** : Regu saya Normanizam Ahmad [Mohd. Normanizam Ahmad], sebagai tekong daripada Kelantan. Lepas [Selepas] tu [itu] apik kiri saya ataupun *feeder* [apik kiri] daripada Selangor,

Zulkarnain Arif.

- NH** : **Boleh Encik Futra ceritakan sedikit tentang pasukan regu Encik Futra?**
- EF** : Regu saya boleh saya katakan satu persefahaman yang baik lah. Saya kenal hati budi rakan saya kerana kita perlu kenal sebenarnya dalam gelanggang apabila kita kenal, kita mudah untuk kita nak bermain. Kalau kita tidak kenal, mungkin susah pada kita. Jadi, sedikit sebanyak kita memahamilah antara satu sama lain.
- MSI** : **Okay, bolehkah Encik ceritakan serba sedikit perjalanan skuad sepak takraw negara dari *game* [perlawanan] *group stage* [peringkat kumpulan] hingga ke *final* [perlawanan akhir]?**
- EF** : Okay. Apabila sampai di kejohanan *SEA Games* [Sukan SEA / Sukan Asia Tenggara] semasa di *Phillipine* [Filipina] yang dapat *gold* (emas). Okay, bila sampai di *Phillipine* (Filipina), kita menanti satu pasukan Thailand sebenarnya. Jadi dia [pasukan Thailand] lambat mari (ketawa). Jadi bila kita tengok...

MSI

: Thailand ketika tu juara bertahan?

EF

: Memang juara bertahan. Dua belas [12] tahun dia [pasukan Thailand] pegang masa tu, pingat emas. Jadi bila kita tengok dia [pasukan Thailand] dari segi psikologi memang kita ada sedikit takut lah sebab dia [pasukan Thailand] juara bertahan macam mana pun. Tetapi pada masa itu kita punya semangat, kita punya psikologi kita amat tinggi. Apapun yang datang kita akan tempuh lah pada masa tu. Bukan saya sahaja tetapi sahabat-sahabat saya. Sehingga perlawanan berlangsung dan saya pun diberi tekanan oleh pihak pengurusan supaya untuk mendapatkan emas. Tetapi dalam jiwa saya adakah ini satu [1] perkara yang tidak mustahil. Betul tak benda ni? Dua belas [12] tahun, boleh kah buat? Tetapi benda tu sebenarnya tidak mustahil kalau kita berusaha, kalau kita betul-betul nak capai target [sasaran] dan kita bertawakkal insyaAllah [dengan izin Allah] kita dapat. Tetapi kita tidak boleh seorang, tetapi kita perlu dengan kawan-kawan. Jadi, saya lebih banyak berdoa lah, saya banyak melakukan orang kata apa ibadah sebab saya takut. Terus-terang saya katakan memang saya takut kerana bukan saya takut apa, saya takut maruah pasukan Sepak takraw negara tercalar. Saya mahu julang Sepak takraw negara masa tu. Jadi Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah], apabila kita diperingkat di separuh akhir, kita menang dengan Indonesia dan kita berjaya melangkah ke *final* [perlawanan akhir] dan berjumpa dengan satu pasukan Thailand yang kuat lah masa tu. Antaranya nama Supsak, Phornchai dan juga Suryan, itu memang nama besar. Tetapi Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah] kita sepanjang -- sebelumnya berlangsungnya final [perlawanan akhir], kita diberi -- pemain diberikan tekanan dan saya pun tidak mampu melelap mata setiap malam kerana berfikir dari segi strategi, berfikir dari segi cara permainan. Tetapi Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah] kita berjaya.

- MSI** : **Okay, pada ketika itu negara kita diletakkan dengan kumpulan dengan negara mana?**
- EF** : Pada masa tu kita tidak bersama dengan Thailand kerana kita dari segi format pun kita memang -- dia kalau johan dia akan duduk A, kalau naib johan yang sebelum tu, katakan di *SEA Games* [Sukan SEA / Sukan Asia Tenggara] Vietnam kita naib johan, jadi kita duduk kumpulan B. Jadi, kumpulan kita masa tu adalah Myanmar dan juga *Phillipine* [Filipina]. Disebelah sana Thailand dan juga Myanmar masa tu.
- MSI** : **Okay apakah -- diperingkat kumpulan, negara manakah yang paling sukar untuk ditewaskan?**
- EF** : Di peringkat kumpulan Myanmar lah -- *sorry* [maaf] di peringkat kumpulan Indonesia, minta maaf saya, Indonesia.
- NH** : **Boleh saya tahu berapa lama Encik Futra menjalani latihan sebelum pertandingan untuk mewakili Malaysia?**
- EF** : Kita selama setahun [1 tahun] untuk spesifik lah.
- NH** : **Biasanya dimana Encik Futra berlatih?**
- EF** : Di Kompleks Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia.

**MSI** : **Okay, seperti yang kita ketahui perlu juga -- Encik sebagai pemenang pingat perak kan di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] Vietnam? Okay. Di Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] 2005 ni adalah perlawanan kedua Encik *final* [perlawanan akhir]? Apakah perasaan Encik ketika itu?**

**EF** : Di *Phillipine* [Filipina]? Perasaan saya bercampur-campur lah. Ada perasaan gemuruh ada, ada perasaan apa ni orang kata tidak tenang pun ada, bercampur-campur, sukar nak digambarkan. Kalau orang kata apa -- takut ada. Dia [perasaan] banyak dia punya perasaan.

**MSI** : **Okay, bolehkah Encik cerita serba sedikit keadaan semasa di *final* [perlawanan akhir]. Seperti yang kita ketahui Thailand banyak membuat provokasi kan kepada Malaysia. Okay, apakah suasana ketika itu?**

**EF** : Provokasi seperti itu memang kita sudah jangka kerana itu adalah taktikal Thailand untuk menjatuhkan kita punya psikologi. Tetapi Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah], pengalaman saya pertama di peringkat *SEA GAMES* [Sukan SEA / Sukan Asia Tenggara] yang lalu mematangkan kami bertiga lah. Di situ persiapan kita orang masa tu memang sangat-sangat tinggi, tidak -- sebenarnya kita pun nak *target* [sasaran] menang itu sudah tentu ada cuma kita mahukan satu persembahan yang baik.

- NH** : **Bagaimana Encik Futra mengatasi perasaan takut atau gemuruh kepada pihak lawan semasa bermain?**
- EF** : Kalau adik-adik tengok saya main dalam *Youtube* kan, bermain dalam ni la, saya berlari-lari, saya berjoget-joget dalam tu. Sebenarnya bukan lah kita nak buat saja-saja sebenarnya sebab perasaan takut. Saya nak buang -- kalau saya tak buat macam tu saya akan jadi lebih takut, saya akan diam. *So* [Jadi], dengan cara macam tu lah saya nak menghilangkan apa ni *tension* [tekanan] dan gemuruh dan juga kita nak bagi *confident* [keyakinan] kepada *partner* [pasangan] kita dalam gelanggang.
- NH** : **Adakah -- semasa Encik Futra untuk mewakili Malaysia, ada *partner* [pasangan] Encik Futra yang *low confident* [keyakinan rendah] semasa untuk bertanding dengan pihak lawan.**
- EF** : Sebelum kita digabungkan memang kita -- pilihan daripada jurulatih adalah yang terbaik. Mereka semuanya *high confident level* [peringkat keyakinan tinggi] lah, maknanya satu *level* [peringkat] yang tinggi. Dari segi kemahiran pun memang tinggi, masing-masing mempunyai tanggungjawab yang baik. Jadi kita tiada masalah dari segi tu.
- MSI** : **Okay, bolehkah Encik cerita serba sedikit lah perlawanan *final* [perlawanan akhir] bersama Thailand?**
- EF** : Ketika tu memang boleh katakan satu aura yang hebat lah daripada di kalangan saya, di kalangan rakan-rakan saya, penyokong dan kita hanya mahukan kemenangan. Tidak ada

istilah kekalahan. Pada saya ketika itu saya tidak mahu kegagalan dan apabila kita buat satu-satu perkara untuk mendapat mata, kita berjaya. Disitulah bermulanya kita nak menceroboh ego Thailand. Kita tidak bagi peluang apa sahaja bola yang datang kepada kita, kita buat yang terbaik. Itulah.

**MSI** : **Adakah pada masa itu Thailand menurunkan skuad utama mereka ataupun skuad pelapis?**

**EF** : Itu skuad utama mereka.

**MSI** : **Skuad utama mereka?**

**EF** : Ya.

**MSI** : **Adakah sukar untuk tewaskan mereka? Berapa set untuk tewaskan mereka?**

**EF** : Hanya *straight* [menang setiap set] set.

**MSI** : **Straight [menang setiap set] set?**

**EF** : Straight [menang setiap set] set sahaja.

**MSI** : **Okay, semasa di kalungkan pingat emas, apakah perasaan Encik ketika itu? Pingat emas pertama kan? Apakah perasaan Encik ketika itu?**

**EF** : Perasaan saya sudah tentu gembira lah. Tapi yang paling menyedihkan saya yang buat saya terharu apabila lagu negaraku dimainkan, bendera dinaikkan, itu satu penghormatan kepada saya lah sebenarnya.

**MSI** : **Okay, bolehkah Encik ceritakan serba sedikit keadaan ataupun kenangan manis Encik semasa di *Phillipine* [Filipina]?**

**EF** : Selama dua [2] minggu disana, sebelum berlangsung kita pun stress, kita pun tidak ada masa untuk kita keluar kan, Sebelum kejohanan kan. Jadi, memang satu masa yang sukar untuk buat saya sebagai atlet mewakili negara tetapi kita harungi dengan baik lah. Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah].

**TAMAT BAHAGIAN 4 (iv)**

**TAMAT BAHAGIAN 4**



## **BAHAGIAN 5: ANUGERAH DITERIMA**

**MSI** : **Okay, beralih kepada anugerah yang Encik terima. Apakah anugerah peribadi yang pernah Encik terima?**

**EF** : Anugerah yang paling bermakna Ahli Mahkota Terengganu daripada Sultan Terengganu [Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah] pada tahun dua ribu empat [2004]. Selebihnya anugerah yang UMNO [United Malays National Organisation] -- melayu cemerlang daripada UMNO [United Malays National Organisation], dua [2] tahun berturut-turut. Itulah antara tiga[3] anugerah yang -- lepas [selepas] tu [itu] diperingkat kerjaya saya, anugerah khas tu -- itulah antara anugerah-anugerah yang bermakna dalam hidup saya

**NH** : **Sultan yang Encik Futra terima tu daripada --**

**EF** : Sultan Mizan [Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah].

**MSI** : **Pada tahun?**

**EF** : Dua ribu empat [2004]. AMT (Ahli Mahkota Terengganu).

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: PERSARAAN

**MSI** : **Okay, beralih kepada Encik -- persaraan Encik. Okay, pada tahun berapakah Encik bersara sebagai atlet sepak takraw?**

**EF** : Sebenarnya diperingkat -- saya kalau sekarang ni saya masih bermain. Kalau bersara dari segi *international* [antarabangsa], mungkin saya dah bersara. Diperingkat negeri pun saya pun dah bersara. Cuma dari segi permainan, saya masih lagi bermain la. Tiada masalah.

**MSI** : **Okay, apa faktor yang mendorong Encik untuk bersara diperingkat negara dan negeri?**

**EF** : Saya bersara atas faktor politik di dalam sukan. Disebabkan itulah.

**MSI** : **Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai masalah tersebut?**

**EF** : Kalau adik *google* dalam -- *google* -- saya ada bukan kata ada masalah dengan seperti yang saya katakan tadi lah. Disebabkan saya ni sebagai kapten dan beberapa perkara saya suarakan kepada persatuan tidak diendahkan. Antaranya contohnya pemain kita tiada kerja, kenapa tidak diberikan kerja kerana itu masa depan diorang. Jadi, walaupun kita kerahkan semangat diorang, *training* [latihan] apa semua, kebajikan perlu dijaga. Macam saya, saya dah ada kerja sebagai seorang guru, saya tiada masalah. Tapi saya fikirkan macam diorang ni. Jadi mungkin perkara itu tidak disenangi dan juga atas faktor politik,

saya dikeluarkan lah.

**MSI : Okay, buat masa sekarang ni, adakah penyelesaian untuk masalah tersebut kepada atlet-atlet negara?**

**EF : Saya rasa tidak akan selesai sekiranya politik dalam sukan -- politik ni bagus tetapi orang dia yang menyebabkan politik itu tidak bagus. Contoh kalau kita nak panggil orang yang berpolitik ni untuk dapatkan sponsor baguskan. Tapi politik ni apabila sampaikan pemilihan pemain pun dia nak terlibat, sampaikan itu pun dia nak ni. Apa guna ada jurulatih? Apa guna ada pengurus? Itu maksud saya.**

**NH & MSI : Pada pendapat Encik Futra, sepanjang Encik Futra bermain dalam sepak takraw, negara mana paling sukar untuk ditewaskan. Diperingkat -- pertama diperingkat negeri. Negeri manakah yang paling sukar?**

**EF : Kalau dulu peringkat negeri, Selangor lah. Selangor, KL [Kuala Lumpur]. Antara nama-nama yang sukar. Kalau diperingkat kebangsaan ataupun *international* [antarabangsa], Thailand lah.**

**MSI** : **Okay, seperti yang kita tahu politik di dalam sukan. Okay, sekarang ni juga badminton juga mengalami masalah yang sama sebab pemilihan pemain.**

**EF** : Kalau -- itu seperti yang saya katakan tadi, sekiranya politik dalam sukan ni berterusan, orang yang tidak memahami sukan, benda tu (itu) akan sama je [sahaja]. Mana-mana sukan pun akan jadi sama seperti saya. Kita sebagai atlet, kita tujuan kita tidak ada kepentingan dalam sukan. Kita mahu kejuaraan. Tapi orang yang politik ni, dia mahukan jawatan, dia mahukan kuasa. Kat situ..

**MSI** : **Itukah yang menyebabkan ramai atlet badminton sekarang dah keluar dari BAM [Persatuan Badminton Malaysia]?**

**EF** : Ini pandangan saya lah. Pandangan saya mungkin mereka rasa terkongkong di bawah BAM [Persatuan Badminton Malaysia] , kalau di kelab mungkin mereka rasa *free* [bebas]. Itu pandangan saya lah.

**NH** : **Setelah Encik Futra bersara, adakah Encik Futra masih giat dalam aktif sukan sepak takraw?**

**EF** : Saya masih aktif. Saya masih lagi buat klinik sepak takraw, saya masih lg bagi *talk* [ucapan] untuk sukan sepak takraw dan saya masih lagi bagi *talk* [ucapan] untuk *motivation* [motivasi]. Itulah antara yang saya buat selepas saya bersara.

**MSI** : Adakah Encik tidak berminat menjadi jurulatih negara, jurulatih sepak takraw negara?

**EF** : Saya tidak diberi peluang, saya tidak pernah ditawarkan, bagaimana saya nak menyatakan...[ketawa].

**NH** : Adakah -- setelah Encik Futra bersara dengan daripada dunia sepak takraw, adakah Encik Futra berpuas hati dengan permainan Encik Futra sebelum ni? Dengan kejayaan yang Encik kecapai.

**EF** : Sebenarnya saya pun tidak berpuas hati kerana diumur saya ni kalau Lee Chong Wei [Dato' Lee Chong Wei] pun masih boleh bermain kan, saya pun masih juga boleh bermain tetapi atas faktor-faktor tertentu lah dari segi orang kata apa kalau adik-adik ikut perkembangan semasa sepak takraw, saya menentang Persatuan Sepak takraw Malaysia. Bukan menentang untuk kejahatan tetapi menentang untuk kebaikan apa yang diperolehi oleh pemain-pemain kita. Disitu lah saya dikeluarkan daripada *team* [pasukan] kerana disebabkan perkara itulah saya tidak dapat meneruskan lagi. Jadi, lebih baik saya tumpukan kepada kerjaya dan saya bawa *team* [pasukan] lah. Jadi, itu lah saya punya gagal kat [dekat] situ.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: PENGALAMAN SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW

MSI : **Okay, beralih kepada pengalaman Encik sebagai pemain sepak takraw, bolehkah Encik disiplin -- bagaimanakah disiplin atlet pada masa itu dikawal?**

EF : Pada masa tu [itu], kita diajar, masa tu (itu) *batch* [kumpulan] kita diajar supaya disiplin paling utama lah, *teamwork* [kerja berkumpulans] paling utama, persefahaman paling utama. Itu yang mengajar saya mendapat pingat emas lah masa tu [itu]. Tapi [tetapi] pada hari ni, *teamwork* [kerja berkumpulan] kita tidak ada, campur tangan politik terlampau banyak dan juga disiplin pemain pun -- saya dengar-dengar daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai memang gagal lah kat situ.

MSI : **Bagaimanakah Encik menjadi -- ciri-ciri penting untuk menjadi seorang atlet?**

EF : Ciri-ciri penting yang pertamanya ialah disiplin. Disiplin, tanggungjawab, matlamat, jati diri, itu yang paling penting. Permainan jatuh nombor dua. Tetapi kalau permainan kita bagus, tidak ada disiplin, tidak mampu. Macam adik-adik, membuatkan adik datang sini adalah disebabkan disiplin, disebabkan tanggungjawab. Kalau tidak ada disiplin mungkin tidak hadir. Itu je [sahaja] formula dia [disiplin]. Sama je [sahaja]. Jadi sama dalam -- sebagai nak jadi atlet ni perlu ada ciri-ciri macam tu.

**MSI** : **Pada pendapat Encik, bagaimanakah corak latihan sepak takraw pada zaman -- pada masa dahulu dan sekarang? Perbezaan?**

**EF** : Perbezaannya sangat tinggi. Dulu kita tidak diterapkan dengan *sports science* [sains sukan] sains sukan dulukan. Sekarang ni [ini] lebih kepada sains sukan. Sains sukan yang spesifik seperti pemakanan, cara pengambilan makanan. Lepas tu [Selepas itu] dari segi kesesuaian fizikal yang mana sesuai untuk atlet tersebut. Lepas tu [Selepas itu] psikologi. Itulah antara perbezaan dulu [dahulu] dan sekarang.

**MSI** : **Dari segi *infrastructure* [infrastruktur]?**

**EF** : Banyak jugalah penambahbaikan.

**NH** : **Adakah Encik Futra semasa menjadi atlet negara berpantang makan -- dilarang untuk makan makanan tersebut?**

**EF** : Sudah tentulah yang lemak-lemak tu [itu] kan, ayam apa semua tu kuranglah sebab badan saya cepat naik [ketawa]. Makan sikit je [sahaja] naik. Tu [Itu] antara --...

- NH** : **Bagaimana pula diet yang diberikan?**
- EF** : ISN [Institut Sukan Negara] dia bagi satu meal [makanan] satu sukatan kepada kita banyak mana boleh makan, banyak mana tak [tidak] boleh makan. Kalau malam tu [itu] kuranglah dia [Institut Sukan Negara] kata. Kalau kita *training* [latihan] *all out* [berlatih] tapi makan kita sama dia [Institut Sukan Negara] kata kita akan sama *zero* [kosong] *still* [masih] tak [tidak] bergerak lemak itu dia [Institut Sukan Negara] kata. *So* [Jadi], dia [pemakanan] ada sukatan daripada ISN [Institut Sukan Negara] untuk mengekalkan *body* [badan].
- NH** : **Adakah kalau terlebih makan, menjadi sukar untuk Encik Futra bermain?**
- EF** : Kita sebagai atlet kita dah [sudah] tahu dah kalau kita lebih makan -- maknanya kalau sebelum *training* [latihan] lebih kurang dua jam. *So* [Jadi], *before* [sebelum] dua jam tu kita dah [sudah] *stop* [berhenti] makan. Kalau tak [tidak] main akan jadi berat, susah, *movement* [pergerakan] tu akan jadi terbatas.
- MSI** : **Okay. Bagaimanakah Encik Futra menguruskan masa membahagi keluarga dan kerjaya Encik pada masa tu [itu]?**
- EF** : Saya umur saya dua puluh tujuh [27] tahun. Masa tu [itu] dah berkahwin. Jadi, saya dah habis untuk wakil negara pada masa tu [itu] baru saya -- jadi saya tidak ada masalah kerana pada masa tu [itu] saya *single* [bujang], tidak ada masalah. *So* [Jadi], dah [sudah] habis baru saya kahwin.



**NH** : Adakah untuk menjadi seorang pemain sepak takraw memerlukan ketinggian yang tinggi?

**EF** : Kalau *feeder*, yang bagi bola dekat *killer* tu tidak perlu tinggi. Tekong dengan *killer* perlu tinggi. Tapi [Tetapi] *killer* pun orang kata tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah.

**MSI** : Encik sebagai *killer* kan?

**EF** : Ya, sesuai lah lebih kurang satu tujuh lima [175] okay. Tetapi *killer* tinggi okay.

**MSI** : Killer ni lebih kepada membuat libasan kan?

**EF** : Ya, libasan.

**MSI** : Bagaimanakah Encik mula-mula belajar libasan tu [itu]?

**EF** : Saya belajar dalam hutan dengan abang saya [ketawa]. Saya gantung bola, saya belajar lipat. Kalau belajar yang biasa ni takde [tiada] masalah, yang gulung tu [itu], yang gulung tu [itu] yang tu susah. Saya belajar la gantung-gantung bola.

**MSI** : Gantung tu [itu], kat bawah tu [itu] memang tanah ke?

**EF** : Ya, tanah. [ketawa]. Jatuh memang sakit lah.

- MSI** : **Sekarang ni [ini] nampak daripada -- membuat atas tilam kan?**
- EF** : Sekarang ni infrastruktur -- maknanya dari segi *facilities* [fasiliti] tu ada. Nak [Hendak] belajar pun apa orang kata tilam ada kan, trampolin tu ada. Jadi takde [tiada] masalah. Dulu mana ada fasilitas begitu. Kita sendiri inisiatif sendiri.
- MSI** : **Apakah teknik untuk membuat libasan yang deras? Adakah rahsia-rahsia?**
- EF** : Teknik ni *depend* [bergantung] kepada posisi. Kalau killer apa yang teknik perlu kita belajar, kalau tekong apa yang teknik perlu belajar, feeder apa dia. Kita perlu tahu lah. Kita belajar daripada -- kalau dulu [dahulu] saya main petang-petang. Lepas tu [Selepas itu], ayah saya bagitahu [beritahu] kena buat macam ni. Kalau saya killer dulu [dahulu] kena fleksibiliti kena ada, fokus kena ada.
- MSI** : **Pernahkah mendapat kecederaan di tengkuk? Jatuh? Mula-mula belajar dulu [dahulu]? Tak pernah? Kecederaan serius?**
- EF** : Peratusan *injured* [kecederaan] di sini [tengkuk] ni [ini] kurang kalau dia [pemain] tak [tidak] pandai. Kalau dia [pemain] pandai tu mungkin tak [tidak] jadilah *injured* [kecederaan] kat sini [tengkuk]. Biasanya belakang.

**NH** : **Adakah pernah atlet negara yang mendapat kecederaan dan terus bersara selepas tu [itu]?**

**EF** : Macam mana? [ketawa]

**NH** : **Adakah terdapat atlet negara yang mendapat kecederaan serius dan terus berhenti daripada sepak takraw?**

**EF** : Ada. Dia [atlet] akan -- kalau kecederaan tu serius, memang sukarlah kita nak [hendak] buat pergerakan. Takraw ni [ini] banyak pergerakan yang pantas, yang cepat kan? Lepas tu [Selepas itu] , apa ni orang kata apa, dia [atlet] punya, apa lagi -- dia [atlet] kena perlu pantas lah. Jadi, kalau kita *injured* [kecederaan] serius kita tidak boleh nak [hendak] main dan kita akan buat keputusan untuk bersara.

**MSI** : **Okay, pada zaman Encik, bagaimanakah kiraan mata dalam sepak takraw?**

**EF** : Kalau dulu lima belas [15] mata kiraan lama. Maksudnya kiraan lama -- kalau sekarang ni [ini] ping pong, kalau katakan servis, saya servis, dia [pemain lawan] boleh ambil. Lepas tu [Selepas itu], dia [pemain lawan] pukul, dia [pemain lawan] akan dapat mata. Kalau dulu [dahulu], kalau saya servis, katakan kosong kosong [0-0], saya servis sana, dia [pemain lawan] pukul tak [tidak] akan bergerak, kosong kosong [0-0] lagi. Sampai la siapa boleh mata.

**MSI** : **Bagi pendapat lah, yang dulu [dahulu] ataupun sekarang lebih mudah dari segi perkiraan mata?**

**EF** : Dia [perkiraan mata] ada pro dan kontra dia [perkiraan mata] lah. Kalau dulu [dahulu] lima belas [15] mata kiraan lama, dia mengambil masa yang sangat lah panjang. Lebih kurang lima [5] jam, empat [4] jam macam tu [itu] kalau dulu [dahulu]. Sekarang ni [ini] pingpong dia [permainan] cepat sikit lah. Itupun ambil juga masa yang lama.

**MSI** : **Badminton pun tukar juga kan?**

**EF** : Ya. Sebab kita nak menjimatkan dari segi orang kata broadcast [penyiaran] ni [ini] kan. Kalau macam Chong Wei [Dato' Lee Chong Wei] lawan ke, kalau lama mungkin lah orang akan susah dari segi kos, penglibatan kos.

**MSI** : **Pada perkiraan mata yang baru ni, bagaimanakah Encik nampak -- adakah Encik dapat merasai?**

**EF** : Pernah merasai. Dia [perkiraan mata] lebih tekanan lah. Sebab kalau kita buat silap, pihak lawan akan dapat mata. Jadi kita sentiasa bersedia kat [dekat] situ.

**NH** : **Bagaimana Encik Futra mengekalkan stamina semasa bermain sepak takraw?**

**EF** : Kita memang ada latihan sepanjang tahun. Disitu lah saya mengekalkan latihan dan juga kita adakan *training* [latihan] setiap hari di Majlis Sukan Negara.

**MSI** : **Apakah latihan-latihan yang dilakukan di Majlis Sukan Negara?**

**EF** : Kita buat latihan pada waktu pagi tujuh [7] hingga lapan [8] lebih kurang, *fitness conditioning* [keadaan kecergasan], untuk fizikal. Sepuluh [10] hingga dua belas [12], untuk latihan gelanggang. Pada pukul tiga [3] hingga lima [5], untuk gelanggang lah. Lebih kepada *skill* [kemahiran] individu.

**NH** : **Adakah latihan tersebut berat untuk seorang pemain sepak takraw bermain ataupun memang cukup-cukup?**

**EF** : Kalau diperingkat kebangsaan mungkin perkara tu [itu] sudah biasa dan kita perlu sebenarnya. Kalau diperingkat katakan dia [pemain] main untuk sekolah, mungkin tak [tidak] sesuai lah sebab itu berat bagi dia [pemain] untuk latihan.

**MSI** : **Okay, adakah Encik pernah menonton perlawanan-perlawanan secara live [siaran langsung] di stadium? Melibatkan skuad negara?**

**EF** : **Perlawanan sepak takraw?**

**MSI** : **Ya. Selepas Encik bersara.**

**EF** : **Saya tengok di tv [televisyen]. [Ketawa]**

**MSI** : **Tak [Tidak] pergi stadium?**

**EF** : **Tak [tidak] pergi.**

**MSI** : **Kenapa tidak pergi?**

**EF** : **Sebab kita tak [tidak] ada kejohanan.**

**MSI** : **Tu ISTAF Super Series?**

**EF** : **Tu saya tengok banyak sebab dia ISTAF Super Series [*The International Sepaktakraw Federation*] banyak dekat Singapore, Bangkok, lepas tu [selepas itu] kat [dekat] KL [Kuala Lumpur]. Kita duduk Terengganu, jadi tengok tv [televisyen] je [saja].**

**MSI** : **Lagipun Encik kerjakan?**

**EF** : Ya.

**MSI** : **Adakah Encik rindu untuk bermain dengan skuad negara?**

**EF** : Sudah tentulah. Rindu. [Ketawa].

**MSI** : **Encik pernah berjumpa dengan regu-regu Encik selepas bersara?**

**EF** : Kita masih lagi *keep in touch* [berhubung]. Ada yang masih lagi bermain dan saya pun tiada masalah dengan diorang [mereka]. Masih lagi..

**MSI** : **Ada yang menjadi jurulatih?**

**EF** : Saya saja [sahaja]. Yang lain ada yang masih lagi bermain untuk kelab-kelab.

**MSI** : **Di kem negara, adakah Encik rapat dengan atlet-atlet lain?**

**EF** : Sudah tentunya lah, kita perlu untuk rapat mengenali antara satu sama lain.

**MSI** : **Contohnya?**

EF : Contohnya kita atlet silat ke.....

**MSI** : **Paling rapat, atlet bola sepak tiada?**

EF : Takraw?

**MSI** : **Takraw. Bagi Encik, Encik sebagai atlet negara kan. Di kem negara siapakah atlet Encik paling rapat?**

EF : Makenaya dalam skuad sepak takraw je [sahaja] ataupun...

**MSI** : **Di luar sepak takraw.**

EF : Saya berkawan dengan semualah. Yang rapat cuma kita rapat di untuk peringkat, untuk *team* [pasukan] kita saja [sahaja] lah saya rapat. Untuk yang *team* [pasukan] lain saya tak [tidak] berapa sangat. Cuma tegur biasa la tu [itu] kan.



**NH** : **Adakah pernah terjadi perselisihan faham antara rakan pasukan dan bagaimana mengatasi masalah tersebut?**

**EF** : Itu kita tidak dapat lari lah. Konflik yang berlaku dalam *team* [pasukan], mana-mana pun dalam kerjaya pun sama. Saya sebagai kapten masa tu [itu], kapten pasukan, cuma saya meletakkan apa ni -- kita bermain psikologi dengan pemain-pemain ataupun sahabat-sahabat saya. Kita -- diperingkat awal kita tetapkan dari segi disiplin kita, apa tujuan kita. Kalau diperingkat awal kita tidak tetapkan perkara-perkara seperti itu, kita akan hancur dipertengahan dan dihujung matlamat kita. Jadi, itulah kita perlu kuatkan diperingkat awal.

**NH** : **Adakah berbeza cara latihan diperingkat negeri dan diperingkat antarabangsa?**

**EF** : Sudah tentulah sangat-sangat berbeza kerana *level* [peringkat] antarabangsa dia mempunyai *loading* [beban] ataupun intensiti yang sangat tinggi. Jadi, Alhamdulillah [Terima kasih kepada Allah] lah kita -- saya pun telah menerima *loading* [beban] dan intensiti tu [itu] sudah sehati lah dengan saya dan tidak ada masalah.

**MSI** : **Seperti yang kita ketahui, Encik adalah pemenang pingat emas Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara]. Selepas menang pingat emas tu [itu], apakah harapan ataupun keazaman Encik untuk terus...**

**EF** : Keazaman saya selepas tu [itu] saya nak [hendak] dapat pingat emas untuk peringkat Sukan Asia, tetapi gagal. Saya dapat pingat perak sahaja.

**MSI** : **Dua ribu tujuh [2007]?**

**EF** : Dua ribu enam [2006] dan juga dua ribu sepuluh [2010].

**MSI** : **Malaysia terkandas diperingkat kumpulan atau...**

**EF** : Itu selepas *batch* [kumpulan] saya. Lepas budak-budak ni, ikut diorang [mereka] lah. Saya tak [tidak] pernah dapat gangsa lagi la setakat saya bermain.

**MSI** : **Tak jumpa kawan lama regu Encik?**

**EF** : Pernah. Pergi rumah dia [regu lama] apa semua.

**MSI** : **Sekarang dia [regu lama] buat apa? Regu Encik yang...**

**EF** : Dia duduk kat [dekat] KL [Kuala Lumpur] sekarang.

**MSI** : **Mengajar juga?**

**EF** : Dia [regu lama] polis.

**NH** : **Ramai ke atlet sepak takraw ni [ini] menjadi polis sebab sebentar tadi Encik Futra kata ayah Encik Futra pun menjadi seorang polis?**

**EF** : **Mungkin itu kerjaya terakhir, peluang terakhir. Dari segi -- kalau Takraw ni [ini] la minta maaf cakap la, mungkin dari segi pencapaian akademik lah kurang dekat situ. Saya pun nak [hendak] kata pandai tu tak [tidak] lah pandai tapi [tetapi] rezeki saya dapat cikgu ni. Itu lah. SPM [Sijil rehan mogsan Malaysia] pun teruk juga kan tapi [tetapi] rezeki [ketawa].**

**MSI** : **Abang saya pun belajar kat [di] IPIK [Institut Perguruan Ilmu Khas] juga dulu [dahulu] kat [di] Cheras tahun dua ribu sepuluh [2010]. Sekarang ni [ini] mengajar kat [di] SK [Sekolah Kebangsaan] Jerantut bersama Cikgu Hanafi [Moohd. Hanafi Bin Mat Asin].**

**EF** : **Oh. Cikgu Hanafi [Mohd. Hanafi Mat Asin] tu kan.**

**MSI** : **Tu [Itu] lah minta nombor kat [dekat] dia**

**EF** : **Oh.**

**NH** : **Saya jumpa kat [di] internet, Klinik sepak takraw.**

**EF** : **Oh kat situ.**

**NH** : **Dalam banyak-banyak negara yang Encik Futra pernah lawati untuk bermain sepak takraw, negara mana yang paling Encik Futra rasa seronok pergi?**

**EF** : Saya pergi Jerman. *Germany* [Jerman], *France* [Perancis], Switzerland.

**MSI** : **Ada kem ke pertandingan?**

**EF** : *Exhibition* [Perlawanan persahabatan].

**MSI** : **Oh *exhibition* [perlawanan persahabatan]. Bersama skuad negara ataupun negeri?**

**EF** : Bersama satu kelab ni [ini] la dia *offer* [tawar] kepada saya.

**NH** : **Musim apa Encik Futra pergi ? [ketawa].**

**EF** : Musim sejuk masa tu [itu]. Salji. Seronok lah.

**MSI** : **Di negara-negara Asia?**

**EF** : Saya pergi Asia, Qatar, China.

**MSI** : **Main Sukan Asia?**

**EF** : Ya itu lah. Qatar dengan China. Itu je [sahaja] lah dua [2] negara.

**MSI** : **Korea, Busan ?**

**EF** : Oh Korea *training* [latihan] je [sahaja]. Lepas tu [Selepas itu] pergi *game* [perlawanan].

**NH** : **Dekat Qatar tu [itu] ada pemain sepak takraw?**

**EF** : Ada.

**MSI** : **Kira semua negara ni [ini] ada wakil sepak takraw ataupun Asia je [sahaja] yang banyak?**

**EF** : Asia banyak.

**MSI** : **Kat [Di] Eropah kurang?**

**EF** : Kat [Dekat] Eropah dia berminat saja [sahaja]. Dia [Eropah] lebih kepada *for fun game* [suka-suka]. Dia minat suka-suka. Mat Salleh [orang putih] biasa la dia.

**NH** : **Pada pandangan Encik Futra, adakah sukar sebab negara-negara luar negara tu [itu], orang-orang lebih tinggi berbanding Malaysia.**

**EF** : Dia nak [hendak] main takraw ni [ini]?

**NH** : **Ya.**

**EF** : Pandangan saya pasal Mat Salleh [orang putih] ni [ini] dia, satu [1] dia tengok fleksibiliti dia takde [tiada]. Dia keras sikit. Memang dia keras. Dia beza dengan kita orang-orang Asia. Lepas tu [Selepas itu], saya tengok takraw ni [ini], dia lebih kepada seronok. Nak [Hendak] mencuba sesuatu perkara yang baru. Mat Salleh ni [ini] kalau dia yang cipta, dia akan bawa sampai ke [kepada] olimpik. Tapi [Tetapi] bukan dia cipta, dia *just for fun* [suka-suka] sebab bukan dia yang *control* [kawal], Thailand yang *control* [kawal]. Sebab tu [itu] dia *just for fun* [suka-suka], mari datang lawan lepas tu [selepas itu] balik. Dia lebih kepada -- takde [tiada] kata nak [hendak] menubuhkan satu *Europe* [Eropah] ke takde [tiada].

**MSI** : **Kenapa sekarang ni [ini] tidak ketengahkan diperingkat Olimpik?**

**EF** : Kita perlu tujuh puluh dua [72] negara. Sekarang ni [ini] tak [tidak] cukup lagi.

MSI : Skuasy pun tak [tidak] pernahkan?

EF : Ya.

MSI : Sekarang ni [ini] yang paling tertinggi kat [di] peringkat Piala Asia je [sahaja] la? Komanwel ada?

EF : Tiada. Cuma Piala Asia dan Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara].

MSI : Kalau begitu ada *Super Series* [Siri Super] tertentu je [saja] lah?

EF : *Super series* [Siri Super] tu [itu] biasalah. Peringkat international [antarabangsa] la *Super Series* [Siri super] tu [itu].

NH : Adakah corak latihan sepak takraw dengan sukan-sukan lain berbeza cara....

EF : Sudah tentu berbeza lah. Dia [latihan] ikut kepada sukan yang apa ni [ini] yang kita wakil lah. Cuma dari *skill* [kemahiran] individu kita *based* [berdasarkan] kepada sukan yang kita wakil tetapi dari segi *conditioning* [latihan], mungkin sama. *Conditioning* [Latihan] ni [ini] maksud mungkin larian, samalah. Tiada masalah.

**MSI** : **Bagaimanakah Encik membuat gerakan- gerakan sepak takraw yang berlipat-lipat tu [itu]. Bagaimanakah Encik mula-mula berlatih?**

**EF** : Berlatih masa saya umur dua belas [12] tahun.

**MSI** : **Bagaimanakah cara Encik berlatih?**

**EF** : Saya dengan abang saya lah. Saya buat latihan sendiri. Kita banyak latihan lah. Setiap hari buat. Disitu lah pandai.

**NH & MSI** : **Pernahkah Encik Futra mengalami kecederaan semasa berlatih? Kecederaan kepala serius?**

**EF** : Ada itu biasa. Antaranya lutut, *ankle* [buku lali] dan pergelangan kaki, belakang badan sebab saya apit kanan kan.

**NH** : **Adakah lama untuk -- bila mengalami kecederaan, lama untuk sihat sepenuhnya?**

**EF** : Tengok kepada kecederaan tersebut. Kalau adakalanya seminggu adakalanya dua [2] minggu.



**NH** : **Boleh Encik Futra namakan contoh-contoh nama pergerakan dalam sepak takraw?**

**EF** : Contoh secara umum la, kalau pergerakan ni [ini] mungkin sukar saya nak [hendak] bagi contoh. Contohnya, biasanya kalau tiap-tiap petang, kita kena selalu ingat, kalau main dengan orang yang lain, katakan contoh si A katakan sebagai tekong yang tukang servis tu [itu] kan, mungkin cara dia berbeza. Jadi kita perlu ingat, mungkin esok kita akan main dengan orang lain. Jadi kita kena ingat kat [dekat] situ saya belajar, maknanya saya -- tu [itu] ilmu sebenarnya.

**NH** : **Semasa mewakili Malaysia, jika seorang atlet mengalami kecederaan, apakah yang akan dilakukan kepada atlet tersebut? Adakah akan direhatkan ataupun macam mana?**

**EF** : Kita ada satu *rehab* [pemulihan]. *Rehab* [pemulihan] untuk kita. Kalau di Majlis Sukan Negara, satu tempat Institut Sukan Negara lah. Disitu kita merawat atlet-atlet yang sakit. Disitu lah diorang [mereka] lakukan.

**NH** : **Semasa Encik Futra bermain sepak takraw, ada tak mana-mana pasukan yang masa main tu [itu] pengsan ataupun...**

**EF** : Ada. Dia landing, dia lipat, dia jatuh tak [tidak] stabil. Kaki dia tersangkut. So, [Jadi], dia jatuh belakang, terhentak ni. Terus dia tak [tidak] sedar.

**MSI** : **Tu peringkat negeri atau antarabangsa?**

**EF** : Peringkat negeri.

**MSI** : **Okay, sebagai atlet, adakah atlet ni [ini] dapat gaji daripada kementerian ataupun macam mana bayaran kepada atlet negara?**

**EF** : Polisi untuk elaun, elaun daripada Majlis Sukan Negara, kita diberi sama rata. Kalau dulu [dahulu] lima ratus ringgit [RM500].

**MSI** : **Sebulan?**

**EF** : Sebulan. Sebab saya dah ada kerja, tiada masalah. Tu [Itu] sebabnya lima ratus [RM500]. Kalau yang tidak ada kerja mungkin meningkat lah daripada seribu [RM1000] ataupun seribu setengah [RM1500].

**MSI** : **Tu pada zaman Encik?**

**EF** : Ya.

**MSI** : **Sekarang ni [ini] tak [tidak] tahu?**

**EF** : Sekarang ni [ini] saya kurang pasti. Berapa dia punya polisi pembayaran elaun kepada atlet.

**MSI** : **Kalau Encik contoh memenangi apa-apa pertandingan, adakah pihak kerajaan memberikan elaun ataupun insentif?**

**EF** : Pihak kerajaan tu [itu] jauh sekali lah. Maknanya kalau kejohanan yang besar macam SEA Games [Sukan Asia Tenggara], kalau dapat pun dia akan bagi insentif-insentif. Kalau macam kita menang kelab, kita tidak ada lah. Cuma penganjur dia tawarkan hadiah, itulah kita punya insentif.

**MSI** : **Okay, di peringkat negeri pula, bagaimanakah pula bayaran diperingkat negeri? Adakah sama dengan diperingkat negara?**

**EF** : Tak sama. Kalau persatuan negeri, macam Terengganu, Persatuan Sepak takraw Terengganu, dia [Persatuan Sepak takraw Terengganu] akan bayar elaun latihan dan elaun kejohanan. Itu sahaja yang kita dapat.

**MSI** : **Berapa?**

**EF** : Biasa dalam dua puluh ringgit [RM20] sehari.

**MSI** : **Dua puluh ringgit [RM20] sehari?**

**EF** : Ya. Itu je [sahaja] lah.

**NH** : **Siapakah jurulatih yang terbaik yang pernah Encik Futra pernah terima?**

**EF** : Jurulatih yang terbaik Iskandar Arshad lah.

**MSI** : **Kenapa?**

**EF** : Dia bekas pemain. Bekas pemain negara.

**MSI** : **Kenapa dia [Iskandar Arshad] menjadi jurulatih kegemaran Encik?**

**EF** : Sebab pengalaman dia [Iskandar Arshad]. Dia [Iskandar Arshad] antara pemenang pingat emas Hiroshima Sukan Asia. Jadi banyaklah ilmu yang saya dapat dari dia [Iskandar Arshad].

**NH** : **Berapa lama Encik Futra pernah dibawah dia [Iskandar Arshad]?**

**EF** : Lama. Sejak dua ribu tiga [2003].

**NH** : **Hingga?**

**EF** : Sehingga dua ribu sepuluh [2010].

NH : Adakah dia [Iskandar Arshad] sudah bersara sekarang? Ataupun masih lagi..

EF : Kalau dari segi bermain, dia sudah bersara lah. Dari segi *coaching* [kejurulatihan], *still* [masih] lagi ada.

NH : Boleh Encik Futra menceritakan serba sedikit resipi kejayaan dalam bidang sepak takraw?

EF : Seperti yang saya katakan tadi, kita Takraw ni [ini] main tiga [3] orang kan bukan main individu. Kalau kita main individu mungkin senang. Tetapi main tiga [3] orang ni [ini] kita perlukan persefahaman yang tinggi, lepas tu [selepas itu] *hardworking* [kerja keras], *training* [latihan], lepas tu [selepas itu] disiplin yang sangat tinggi lah untuk kita membentuk satu pasukan ataupun regu yang mantap lah. Itu antara resipi lah. Dan juga kita perlu dari segi individu lah. Individu kita, apa matlamat kita dan kita perlu *target* [sasaran]. Tidak pada *player* [pemain] pada hari ni [ini]. Dia [pemain] lebih kepada suka-suka nak [hendak] main, *glamour* [terkenal], macam tu [itu] lah. Itu resipi lah yang saya boleh cakap.

**MSI** : **Bagaimanakah Encik meningkatkan persefahaman ataupun komunikasi antara regu Encik. Apakah cara Encik? Adakah lepak bersama ataupun duduk sebilik?**

**EF** : Ya. Itu antara salah satu cara lah kita lepak bersama, kita duduk dalam satu bilik enam [6] orang di Majlis Sukan Negara. Kat [Dekat] situ kita dah [sudah] kenal hati budi. Apabila dah [sudah] beberapa tahun bersama, kita dah [sudah] tahu yang mana baik buruk dia [pasangan] dan dia [pasangan] pun tahu mana baik buruk kita. Sebenarnya itu penting sebenarnya untuk kita bawa kepada gelanggang. Kadang pergerakan *body language* [pergerakan badan] kita pun mungkin dia [pasangan] tidak suka kita. Jadi kita pun dah [sudah] tahu. Jadi dia [pasangan] pun mungkin dah [sudah] tahu kita. Itu memudahkan lagi apabila kita berda di dalam gelanggang, kita memahami anatara satu sama lain.

**MSI** : **Bagaimana pula Encik mengaplikasikan benda tersebut dalam permainan sepak takraw? Komunikasi dalam permainan sepak takraw.**

**EF** : Apabila di luar gelanggang, saya pun dah [sudah] memahami rakan-rakan saya, saya aplikasikan dengan cara saya sendiri. Contohnya, kalau Normanizam, kalau muka dia [Normanizam] berkerut, mungkin dia [Normanizam] tak [tidak] suka dengan cara balingan. Dia [Normanizam] tak [tidak] cakap. Tapi [Tetapi] bila saya tengok reaksi apabila di luar, sama, benda tu [itu] takkan [tidak akan] berubah. Betul tak [tidak]? Tapi [Tetapi] bila bawa dalam gelanggang, kita tahu dia [Normanizam] ni memang tak [tidak] suka. Jadi kita perbetulkan lah. Jadi kita *apply*[gunakan] balik apa ilmu yang saya ada, ilmu contohnya macam psikologi ajar kat kita. Okay, apabila kena dengan *partner* [pasangan] kita, dia cakap lah kan. Jadi kita gunakan ilmu tersebut dan kita *apply* [] balik dalam gelanggang. Oh macam ni. Maknanya tak

[tidak] suka la tu [itu]. Jadi kita cakap dengan dia, “Je, nak bola dalam sikit?” “Okay okay”. Makananya okay lah.

**MSI** : **Bagaimana pula dengan komunikasi, Encik lebih kepada Terengganu? Loghat Terengganu?**

**EF** : Ya, saya lebih kepada loghat Terengganu. Saya daripada *form three* [tingkatan tiga] sampai ke tahun lepas baru pindah saya duduk KL [Kuala Lumpur]. Jadi saya cakap pun dengan dia pun ada Terengganu ada KL [Kuala Lumpur], campur-campur dengan dia lah. Tiada masalah lah. Sebab saya seorang lagi pun orang Selangor, kalau cakap Terengganu mungkin dia tidak faham [ketawa]. Jadi kita pandai lah bawa komunikasi kita dalam gelanggang. Kalau cakap dengan Normanizam tu [itu] dia [Normanizam] tiada masalah, dia [Normanizam] orang Kelantan, dia [Normanizam] faham. Dengan ni [ini] cakap [ini] “Dokrok Cetong”, dia [pasangan dari Selangor] tidak faham. [ketawa].

#### **TAMAT BAHAGIAN 7**

## **BAHAGIAN 8 : PANDANGAN MENGENAI SUKAN SEPAK TAKRAW PADA MASA HADAPAN**

**MSI** : **Okay, beralih kepada pandangan Encik mengenai sukan sepak takraw pada masa hadapan. Apakah pandangan Encik Futra terhadap dunia sepak takraw pada zaman sekarang?**

**EF** : Pandangan saya terhadap dunia sepak takraw pada zaman sekarang, memang dikuasai sepenuhnya oleh negara Thailand. Dikuasai dari segi peraturan, dikuasai dari segi perniagaan contohnya bola, marathon. Dan kita tengok pada hari ini negara-negara lain hanya mengikut sahaja Thailand. Itu yang saya tengok makin lama seni Sepak takraw tu [itu] tidak macam dulu [dahulu]. Banyak *upgrade* [ubah], banyaknya *modified* [perubahan] kat situ. Antara dulu [dahulu] kita main tiga [3], sekarang dah [sudah] main dua [2], dan sekarang ni [ini] dah [sudah] main empat [4], banyak dia punya ni [ini] lah. Dunia sekarang ni [ini] pada saya bagus, tetapi adakalanya kita tidak perlu mengikut telunjuk sangat Thailand ni [ini]. Itu pendapat saya lah pada dunia Sepak takraw sekarang ni [ini].

**MSI** : **Okay, pendapat Encik juga mengenai skuad atlet -- skuad sepak takraw negara? Pada masa sekarang, pandangan Encik?**

**EF** : Pandangan saya...



**MSI** : **Adakah masih kuat ataupun biasa-biasa? Tiada peningkatan?**

**EF** : Saya hanya lima puluh [50] peratus saya mengikuti perkembangan mereka lah. Dan saya tidak tahu pengurusan mereka macam mana tetapi saya tengok kita asyik kalah, kalah, kalah, bermakna disitu saya boleh simpulkan pengurusan kita gagal lah. Itu je [sahaja].

**MSI** : **Korea Selatan lebih kuat dari Malaysia sekarang ni [ini].**

**EF** : Sebab apa? Sebab dia [Korea Selatan] punya pengurusan dia [Korea Selatan] bagus. Dia [pengurusan Korea Selatan] hantar kejohanan di Thailand. Dia [Pengurusan Korea Selatan] tidak ada politik disitu.

**MSI** : **Okay, bagaimanakah cara Encik untuk menarik minat golongan muda untuk bergiat dalam sukan sepak takraw?**

**EF** : Saya melakukan klinik sepak takraw dan saya pergi ke satu-satu tempat [bunyi cicak], saya bergaul dan kita ajar lah latihan dengan nama kita yang ada.

**NH** : **Siapakah peserta yang menyertai klinik sepak takraw tersebut?**

**EF** : Terpulung kepada pengajur kerana saya hanya pergi -- adakalanya bawah dua belas [12] tahun, bawah lima belas [15] dan bawah lapan belas [18]. Kebanyakannya bawah lapan belas [18] lah.

**NH** : **Seterusnya saya ingin tanya Encik Futra mengenai kaum wanita dalam dunia sepak takraw. Boleh Encik Futra memberi sedikit pendapat?**

**EF** : Pandangan saya tentang sukan sepak takraw -- penglibatan wanita lah. Kalau kita tengok, budaya kita orang melayu ni [ini] orang Islam ni [ini] kan, cuma kita perlu tutup aurat lah. Itu sahaja kat situ. Kalau terbuka tu [itu] mungkin menjadi isu. Kalau kita tengok kalau diperingkat *international* [antarabangsa], ada yang orang negara arab yang lumba lari. Tetapi dia pakai tudung, dia pakai seluar yang labuh. Jadi benda itu tidak ada isu. Boleh diterapkan dalam sukan di negara kita. Tetapi kalau sukan sepak takraw ni [ini], kalau diperingkat kebangsaan, peringkat Malaysia ni [ini] maknanya terbuka lah. Tidak menjaga aurat lah kat situ lah kan. Jadi...

- MSI** : **Pada zaman Encik lah, adakah sepak takraw ni [ini] dapat menarik minat kaum wanita?**
- EF : Masa tu [itu] belum lagi dipertandingkan masa tu [itu]. Di peringkat Malaysia belum lagi tetapi negara lain dah [sudah] berlatih.
- MSI** : **Okay, pada pendapat Encik lah, pada mulanya diperkenalkan sepak takraw kepada wanita, bagaimanakah sambutan pada ketika itu oleh kaum wanita?**
- EF : Di peringkat antarabangsa tiada masalah, Thailand pun tiada masalah, Vietnam tiada masalah. Di peringkat kita ni [ini], pada permulaannya isu banyak lah. Dari segi itulah budaya kita biasalah kan. Terkangkang sana terkangkang sini. Tetapi dari segi atlet ni kita, macam saya lah bersukan biasalah benda tu [itu].
- NH** : **Apakah kelebihan dan kekurangan atlet negara pada masa sekarang, pada pendapat Encik Futra?**
- EF : Pada masa sekarang atlet ni [ini] lebih orang kata -- ni [ini] pandangan saya lah pandangan saya, mereka ni [ini] -- saya tak [tidak] tahu apa matlamat dia. Adakah dia main untuk *glamour* [terkenal], dia main untuk duit, ataupun memenuhi masa-masa dia dengan umur-umur dia ni [ini] untuk apa untuk saja [sahaja] main Takraw, saya pun tidak tahu. Saya tengok tidak ada matlamat lah. Kalau betul dia ada matlamat, kita tidak akan kalah. Jadi, kalau sekarang ni [ini] kalau tengok lah kita pun kalah dengan *Singapore* [Singapura]. Daripada zaman saya

belum pernah lagi lah.

**MSI** : **Thailand lah paling kuat dulu [dahulu]?**

**EF** : Thailand lah. Korea pun sikit-sikit lah. Sekarang ni [ini] Korea naik, *Singapore* [Singapura] naik.

**NH** : **Siapakah pemain sepak takraw pada masa kini yang Encik Futra rasa ada potensi untuk menjadi lebih baik?**

**EF** : Kalau sekarang ni [ini] Shahir Rosdi lah [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi]. Dia merupakan tekong yang terbaik lah sekarang ni [ini]. Yang boleh berpotensi yang boleh mengalahkan pasukan Thailand. Jadi, dia lah yang saya nampak.

**MSI** : **Pernah berjumpa di kem dulu [dahulu]?**

**EF** : Tak [Tidak] pernah lah.

**MSI** : **Masa dia [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] di MSSM?**

**EF** : Ada lah jumpa MSSM [Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia] sebab dia main bawah lapan belas [18] kan. Adalah jumpa.

**MSI** : **Bagaimana Encik nampak beliau tu [itu] lebih berpotensi daripada pemain lain?**

**EF** : Sebab dia [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] faktor dia [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] tinggi, dia [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] memang tinggi. Lepas tu [Selepas itu], dia [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] mempunyai kelebihan dari segi bukaan kaki yang sangat luas, lepas tu [selepas itu] *skill* [kemahiran] individu dia baiklah, dari segi servis dia, *accurate* [ketepatan] dia, peratusan bola masuk dia. Jadi, kita sebagai player, kita tengok budak ni [Mohd. Shahir Mohd. Rosdi] bagus lah.

**MSI** : **Okay, bagi pendapat Encik lah, bagaimanakah cara untuk menarik minat pelapis untuk bertambah dari tahun ke tahun?**

**EF** : Pelapis?

**MSI** : **Ya. Pelapis negara.**

**EF** : Saya tidak tengok ada pelapis sekiranya pengurusan yang ada sekarang ini tidak menjalankan sistem yang baik. Saya tidak nampaklah pelapis yang ada lah. Kalau kita dah [sudah] kalah dengan *Singapore* [Singapura], kita ada pelapis ke? Bermakna ia berbalik kepada sistem pengurusan lah. Maknanya saya pun tak [tidak] tahu pelapis mana yang okay.

**MSI** : **Apakah pandangan Encik terhadap sukan sepak takraw pada masa hadapan?**

**EF** : Pandangan saya, kalau diteruskan dengan pengurusan seperti ini, kita akan berkubur lah selama-lamanya. Akan jadi satu sejarah yang tinggal. Sebab yang duduk di bahagian pengurusan ni [ini] orang politik. Bila orang politik duduk di bahagian pengurusan ni, dia [orang politik] lebih kepada tampuk kuasa, untuk mendapat projek itu projek ini. Dia [orang politik] tidak memahami jiwa orang sukan, betul tak [tidak]? Kalau dia [orang politik] memahami jiwa orang sukan, dia [orang politik] dah buat dah satu perancangan yang rapi untuk memajukan sukan sepak takraw. Itu pandangan saya.

**MSI** : **Okay, pendapat Encik lah prestasi skuad sepak takraw negara sekarang?**

**EF** : Kalau prestasi dia masih terumbang-ambing lah. Walaupun kita baru saja [sahaja] menang dengan Thailand baru ni [ini], dalam *Super Series* [Liga Super] tu [itu], tetapi hanya satu regu, tetapi dua regu lagi masih belum lagi kita dapat yang terbaik dan prestasi pun masih terumbang-ambing.

**NH & MSI** : **Pada pendapat Encik Futra, apakah strategi untuk menarik minat golongan muda terlibat dalam sepak takraw? [ketawa] Okay, Encik juga ada menganjurkan klinik okay? Bagaimanakah cara Encik menarik minat sepak takraw? Pelajar-pelajar ke untuk menghadiri klinik-klinik tersebut.**

**EF** : Saya ada facebook saya, klinik sepak takraw bersama atas nama saya sendiri lah. Jadi, *player* [pemain] yang berumur dua belas [12] tahun masa dulu [dahulu], sekarang ni [ini] mungkin dulu [dahulu] dua belas [12] tahun, sekarang ni [ini] mungkin dah umur dia tingkatan lima [5], jadi dia banyak mengenali saya bermain. Dan disitu bila saya buat klinik, diorang banyak bertanya kepada saya macam mana nak [hendak] bola laju. Jadi, saya akan pergi ke tempat diorang, kita tarik minat bawah dua belas [12], bawah lima belas [15], lapan belas [18], di seluruh negara. Banyak tempat lah saya pergi. Itu salah satu caralah untuk saya menarik minat belia-belia ataupun pelajar-pelajar.

**NH** : **Disekolah Hulu Nerus sendiri, ada tak [tidak] *student* [pelajar] yang tunjuk bakat dan minat?**

**EF** : Memang adalah. Memang dia [pelajar] pun tahu kisah saya sebagai atlet negara. Jadi, secara automatiknya dia [pelajar] pun mesti berminat bersama dengan atlet negara. Jadi, kat situ kita curi kesempatan untuk latih dia [pelajar].

**MSI** : **Okay, apakah pertandingan sepak takraw yang pernah diadakan di kawasan sekolah?**

**EF** : Diperingkat sekolah biasalah MSSD [Majlis Sukan Sekolah Daerah].

**MSI** : **Disini?**

**EF** : Ya. MSSD [Majlis Sukan Sekolah Daerah].

**MSI** : **Pernah menang?**

**EF** : Oh. Sebab saya baru mari. Jadi, takraw ni [ini] bukannya macam main bola sepak, dia [sepak takraw] susah untuk kita nak [hendak] bentuk, dia [sepak takraw] makan tahun juga lah.

**MSI** : **Di sekolah ini sendiri, adakah Encik seorang sahaja ataupun pernah ada cikgu-cikgu lain yang biasa bermain sepak takraw?**

**EF** : Saya seorang saja [sahaja].



- NH** : **Bagaimana pula cikgu Pendidikan Jasmani yang lain, adakah sukan yang mereka ajar?**
- EF** : Mereka, cikgu tidak lah berapa aktif kat sini. Tetapi selepas pertukaran saya, ada dua [2] orang yang sama dengan saya, satu [1] jurulatih olahraga, dan saya takraw. Jadi, disitulah.
- NH** : **Apakah kunci utama Encik Futra sebagai seorang atlet negara?**
- EF** : Kunci utama kita perlu cekal lah, sabar, bersyukur, berdisiplin, itu antara kunci dialah. Yang paling penting sabar lah.
- MSI** : **Okay, last [akhir] soalan lah, apakah sebenarnya pandangan Encik untuk skuad sepak takraw dan juga harapan Encik lah untuk skuad sepak takraw. Adakah menjadi skuad terbaik di negara ataupun seluruh dunia?**
- EF** : Pandangan saya, harapan saya, kalau kita nak [hendak] menjadi macam dulu [dahulu], satu -- takraw ni [ini] satu nama gah lah Malaysia dibelakang Thailand.

- MSI** : **Dulu [Dahulu] takraw, ingat takraw ingat Malaysia.**
- EF** : Dulu [Dahulu]. Sekarang ni dah merudum terlampau jauh dengan Indon [Indonesia] pun kita terlampau jauh, apatah lagi dengan Korea kan. Jadi harapan saya -- sebenarnya saya pun rasa terharu sebab adanya ni [ini] lah, kerja-kerja macam ni [ini]. Ini sebenarnya satu langkah untuk menaikkan sukan sepak takraw sebenarnya. Macam adik semua ni [ini] la kan buat ni [ini]. Kalau tiada macam awak, siapa lagi nak [hendak] buat menaikkan takraw. Betul? Jadi, harapan saya diharap lebih banyak lagi supaya orang mengkaji tentang sukan sepak takraw dan menaikkan dalam masa yang sama. Ini sukan tradisional kita. Kalau tiada orang lain nak [hendak] buat siapa lagi [bunyi cicak]. Bila dah [sudah] pupus esok, baru kita nak [hendak] tercari-cari. Jadi, kita harap persatuan sekarang ni [ini], lebih proaktif lah untuk membantu sukan negara.

- MSI** : **Terima kasih Encik sebab dapat meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi sedikit tentang cara-cara bermain sepak takraw dan juga pengalaman Encik lah dalam memenangi Sukan SEA [Sukan Asia Tenggara] Manila dua ribu lima [2005]. Terima kasih Encik.**

- EF** : Saya pun ucap terima kasih lah.

**TAMAT BAHAGIAN 8**

# **RUJUKAN**

(Mohd. Futra Bin Abdul Ghani, personal communication, May 21, 2015)

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Muhammad Syamil Iman Bin Mohd. Zain dan Nur Hafizah Binti Mat Daud menemubual Encik Mohd. Futra Bin Abd. Ghani, yang dilahirkan pada 19 September 1981. Temubual dijalankan di sekolah beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pemain sepak takraw negara.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG</b>		
0.42	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Encik Mohd. Futra Abdul Ghani</li> </ul>
1.29	Latar belakang isteri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Norzalizan Zakaria</li> <li>• Guru TESL (Teaching English as Second Language)</li> <li>• Berkahwin pada 2008</li> </ul>
2.53	Latar belakang ibu ayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayah berasal dari Terengganu</li> <li>• Ibu berasal dari Perak</li> <li>• Ayah pesara polis dan jurulatih negeri Terengganu</li> <li>• Ibu suri rumahtangga</li> <li>• Ayah antara faktor memilih sukan sepak takraw</li> </ul>
10.54	Latar belakang adik-beradik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 beradik (4 lelaki 1 perempuan)</li> <li>• Sulung bekerja di Maybank</li> <li>• Yang kedua bekerja sendiri</li> <li>• Yang ketiga (Encik Futra)</li> <li>• Yang keempat Pembantu Tadbir</li> <li>• Bongsu masih belajar</li> <li>• Abang sulung (Mohd. Firdaus</li> </ul>

		<p>Abdul Ghani turut menjadi pemain sepak takraw negara)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayah jurulatih peringkat negeri dan PDRM (Polis DiRaja Malaysia)</li> </ul>
14.02	Anak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai seorang anak perempuan berumur 6 tahun</li> </ul>
14.40	Tempat tinggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Batu 6, Kuala Terengganu</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
14.54	Tempat belajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Kebangsaan Hulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak</li> <li>• Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu</li> <li>• Sekolah Kebangsaan Paloh, Kuala Terengganu</li> </ul>
15.49	Mata pelajaran kegemaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Melayu</li> </ul>
16.01	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kokurikulum : Sukan Sepak Takraw</li> <li>• Akademik : Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun 1997.</li> </ul>
17.06	Kenangan manis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewakili peringkat negeri dan kebangsaan</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 3 : KERJAYA</b>		
17.36	Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Kuala Terengganu</li> <li>• Guru selama 12 tahun</li> <li>• Sebelum itu, mengajar di Sekolah Kebangsaan Taman Medan, Petaling Jaya, Kuala Lumpur selama 10 tahun</li> </ul>
19.05	Atlet kepada guru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah aktif dalam sepak takraw dan mendapat tawaran Diploma di MPIK (Maktab Perguruan Ilmu</li> </ul>

		Khas)
20.37	Menceritakan pelajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdiri daripada 54 orang pelajar</li> </ul>
24.04	Menceritakan pengalaman melatih Skuad SUKMA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdiri daripada lelaki dan wanita</li> <li>• Sebagai Ketua Jurulatih</li> </ul>
36.37	Sejarah Sepak Takraw	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asal perkataan ialah Sepak Jaring</li> <li>• Thailand dan Myanmar menuntut sebagai hak mereka</li> <li>• Bertukar Sepak Jaring kepada Sepak Takraw</li> <li>• Bola diperbuat daripada sintetik</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4 : SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW (PERINGKAT AWAL PENGLIBATAN DALAM SUKAN SEPAK TAKRAW)</b>		
37.57	Pengalaman mula-mula menceburi Sukan Sepak Takraw	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayah sebagai ketua jurulatih</li> <li>• Minat dan terpilih kepada peringkat lebih tinggi dan terus ke Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur</li> </ul>
40.09	Tokoh dikagumi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rehan Bin Mohd. Din</li> <li>• Berasal dari Johor</li> </ul>
	Pengalaman semasa di MSSM (Majlis Sukan Sekolah Sekolah Malaysia )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangkul pencapaian terbaik seperti pemain terbaik</li> <li>• Semasa berumur 18 tahun, mendapat emas untuk SUKMA (Sukan Malaysia)</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4 : SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW (PENGLIBATAN PERINGKAT NEGERI)</b>		
43.37	Pengalaman di peringkat negeri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewakili Selangor, PDRM (Polis DiRaja Malaysia) dan Terengganu</li> <li>• Kejohanan pertama menang GP PRIX pada 2001</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menang piala emas KHIR Johari</li> <li>• Faktor rakan dan diri sendiri kunci utama kejayaan</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4 : SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW (MEWAKILI MALAYSIA)</b>		
47.28	Pengalaman mewakili Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berumur 18 tahun semasa dipanggil skuad negara</li> <li>• Kejohanan pertama pada 2003 di Sukan SEA (Sukan Asia Tenggara) Vietnam</li> <li>• Menang beberapa pingat emas lain</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 4 : SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW (EMAS SUKAN SEA MANILA 2005)</b>		
51.09	Pengalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan persiapan kerana Thailand terhebat</li> <li>• Latihan selama setahun</li> <li>• Regu Normaizam Ahmad dan Zulkarnain Arif</li> </ul>
<b>ANUGERAH DITERIMA</b>		
62.29	Menceritakan anugerah yang telah diterima	<ul style="list-style-type: none"> <li>• AMT (Ahli Mahkota Terengganu)</li> <li>• UMNO Melayu Cemerlang</li> <li>• Anugerah Khas</li> </ul>
<b>BERSARA</b>		
63.17	Kisah hidup selepas bersara sebagai pemain sepak takraw negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerja sebagai guru</li> </ul>
<b>PENGALAMAN SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW</b>		
65.20	Menceritakan pengalaman sebagai pemain sepak takraw	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diperingkat negeri, yang paling sukar ditandingi ialah Selangor dan Kuala Lumpur</li> <li>• Diperingkat negara, negara yang paling sukar ditandingi ialah Thailand</li> </ul>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.00pg- 11.30pg	1 Apr 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	
4.55ptg- 5.22ptg	8 Apr 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali kedua. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk tarikh ditemuramah.	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
11.26pg- 11.45pg	9 Apr 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali ketiga. Panggilan adalah untuk pertukaran tarikh untuk ditemuramah	Catatan dilakukan untuk proses pertukaran tarikh
3.24ptg- 3.40ptg	9 Mei 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali keempat. Panggilan adalah bagi pemberitahuan penghantaran surat rasmi dan soalan untuk ditemuramah. Soalan dihantar adalah untuk proses mengenal pasti sekiranya terdapat kesalahan dalam soalan untuk ditemuramah.	Penghantaran surat rasmi dan soalan kepada tokoh melalui e-mel.
2.25ptg- 5.00ptg	21 Mei 2015	Perjumpaan bersama tokoh  Perjumpaan berlaku di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu dimana sekolah beliau mengajar.	Sesi temuramah bermula di Sekolah Kebangsaan Bukit Hulu Nerus, Setiu, Terengganu.

		<p>Sesi temuramah bermula.  Sesi temuramah dibahagikan dengan setiap bahagian.  Sesi dimulai dengan Bahagian 1: Latar Belakang.</p> <p>Sesi kemudian diteruskan dengan Bahagian 2: Sejarah Pendidikan dan Bahagian 3: Kerjaya.</p> <p>Sesi diteruskan dengan Bahagian 4: Sebagai Pemain Sepak Takraw. Bahagian 4 dipecahkan kepada 4 bahagian iaitu Peringkat Awal Dalam Sukan Sepak Takraw, Penglibatan Pada Peringkat Negeri, Mewakili Malaysia dan Emas Sukan SEA Manila 2005.</p> <p>Sesi kemudian disambung dengan Bahagian 5: Anugerah Diterima, Bahagian 6: Bersara, Bahagian 7: Pengalaman Sebagai Pemain Sepak Takraw.</p> <p>Sesi berakhir dengan Bahagian 8: Pandangan Mengenai Sukan Sepak Takraw Pada Masa Hadapan.</p>	
--	--	--	--

Tokoh: MOHD. FUTRA BIN ABD. GHANI

Bidang : Bekas Atlet Negara dan Pemenang Pingat Emas Sukan SEA Manila 2005

### LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Encik Futra?
2. Bilakah Encik Futra dilahirkan?
3. Berapakah umur Encik Futra sekarang?
4. Dimanakah Encik Futra dilahirkan?
5. Dimanakah Encik Futra tinggal semasa kecil?
6. Siapakah yang tinggal bersama Encik Futra sekarang?
7. Apakah nama penuh isteri Encik Futra?
8. Pada tahun berapakah Encik Futra dan isteri berkahwin?
9. Bolehkah Encik Futra beritahu nama ibu dan ayah Encik Futra?
10. Maaf bertanya, adakah ibu dan ayah Encik Futra masih hidup?
11. Ibu dan ayah Encik Futra berasal dari mana?
12. Adakah mereka berasal dari kampung itu sejak dari awal?
13. Sebelum ini, apakah pekerjaan ibu dan ayah Encik Futra?
14. Berapakah bilangan adik beradik Encik Futra?
15. Encik Futra anak yang keberapa?
16. Bolehkah Encik Futra ceritakan lebih lanjut mengenai adik beradik Encik Futra?
17. Adakah semua sudah berumah tangga?
18. Dimanakah mereka semua tinggal?
19. Adakah masing masing tinggal di sekitar ini?
20. Berapa pula bilangan anak Encik Futra?
21. Berapa lelaki dan perempuan?
22. Apakah makanan dan minuman yang paling digemari oleh Encik Futra?
23. Bolehkah Encik Futra ceritakan mengenai kehidupan Encik Futra di zaman kanak-kanak?
24. Apakah permainan yang sering Encik Futra main di zaman kanak-kanak?
25. Semasa kecil dulu apakah cita-cita Encik Futra?
26. Apakah hobi Encik Futra semasa lapang?

## **SEJARAH PENDIDIKAN**

27. Dimanakah Encik Futra mendapat pendidikan diawal persekolahan dulu?
28. Kemudian kemana Encik Futra meneruskan pendidikan?
29. Apakah mata pelajaran kegemaran Encik Futra ketika di sekolah?
30. Apakah pencapaian Encik Futra ketika di sekolah?
31. Adakah Encik Futra aktif dengan kegiatan ko-kurikulum semasa di sekolah dahulu?
32. Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah dahulu?

## **KERJAYA**

33. Apakah pekerjaan Encik Futra?
34. Di sekolah manakah Encik mengajar?
35. Sudah berapa lamakah Encik Futra menjadi guru?
36. Subjek apakah yang Encik Futra ajar disekolah?
37. Pada pendapat Encik Futra, apakah perbezaan suasana sekolah pada zaman dahulu dan kin

## **SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW**

### **- Peringkat Awal Penglibatan Dalam Sukan Sepak Takraw**

38. Seperti yang kami ketahui, Encik Futra merupakan bekas atlet Sepak Takraw negara, bolehkah Encik Futra menceritakan keadaan ketika Encik Futra mula-mula menceburi dan minat dalam sukan sepak takraw?
39. Siapakah tokoh Sepak Takraw yang paling Encik Futra kagumi?
40. Bolehkah Encik Futra ceritakan serba sedikit mengenai tokoh itu?
41. Mengapa beliau menjadi pilihan Encik Futra sebagai tokoh yang dikagumi?
42. Apakah faktor yang mendorong Encik Futra untuk menceburi atau berminat dalam dunia sukan?
43. Bolehkah Encik Futra cerita serba sedikit kenangan Encik Futra semasa bermain di MSSM diperingkat bawah 15,18 dan 23 tahun?

44. Apakah kenangan manis Encik Futra semasa di MSSM?

- Penglibatan Pada Peringkat Negeri

45. Apakah negeri yang Encik Futra wakili?

46. Bolehkah Encik Futra cerita serba sedikit pengalaman Encik Futra dalam sukan Sepak Takraw di peringkat negeri?

47. Apakah kejohanan pertama yang Encik Futra menangi semasa bermain di peringkat negeri?

48. Apakah kejayaan-kejayaan yang Encik Futra kecap semasa bermain di peringkat negeri?

49. Dalam banyak-banyak kejayaan, kejayaan manakah yang paling bermakna bagi Encik Futra, mengapa?

- Mewakili Malaysia

50. Bilakah Encik Futra mula-mula dipanggil untuk bermain di peringkat negara?

51. Berapakah umur Encik Futra ketika itu?

52. Apakah prinsip dan matlamat Encik Futra ketika mewakili skuad negara?

53. Apakah kejohanan pertama yang Encik Futra sertai semasa di peringkat negara?

54. Bagaimanakah perasaan Encik Futra semasa mula-mula mewakili negara?

55. Berapa lamakah Encik Futra aktif sebagai atlet negara?

56. Bolehkah Encik Futra menceritakan sumbangan dan pengalaman Encik Futra sepanjang terlibat dalam sukan Sepak Takraw di peringkat negara?

57. Apakah kejohanan yang paling bermakna yang pernah Encik Futra menangi, mengapa?

58. Apakah kejayaan manis sepanjang bergelar atlet negara?

- Emas Sukan SEA Manila 2005

59. Bolehkah Encik Futra menceritakan serba sedikit mengenai persiapan Encik Futra dan rakan-rakan menjelang Sukan SEA Manila 2005?

60. Sebelum kejohanan bermula, apakah target atau sasaran skuad Sepak Takraw negara?

61. Bagi Encik Futra, apakah sasaran bagi Encik Futra semasa kejohanan itu?

62. Pada masa itu, apakah perasaan Encik Futra semasa mewakili negara pada kejohanan besar seperti Sukan SEA Manila 2005?
63. Siapakah regu Encik Futra pada masa itu?
64. Bolehkah Encik Futra cerita serba sedikit perjalanan skuad Sepak Takraw negara untuk ke final atau perlawanan akhir?
65. Sepanjang perlawanan untuk ke final atau perlawanan akhir, pasukan manakah yang paling sukar ditewaskan?
66. Bagaimanakah perasaan Encik Futra semasa bermain di perlawanan akhir?
67. Bolehkah Encik Futra cerita serba sedikit keadaan dan situasi pada perlawanan akhir tersebut?
68. Bagaimanakah perasaan Encik Futra semasa dikalungkan pingat emas pada Sukan SEA Manila 2005?
69. Bolehkah Encik Futra ceritakan serba sedikit kenangan semasa Encik Futra berada di Manila?

#### **ANUGERAH DITERIMA**

70. Apakah anugerah-anugerah yang pernah Encik Futra terima?
71. Apakah anugerah yang paling bermakna?
72. Adakah Encik Futra berpuas hati dengan kejayaan yang dikecapi?

#### **BERSARA**

73. Pada tahun berapakah Encik Futra bersara sebagai atlet Sepak Takraw?
74. Berapakah umur Encik Futra ketika itu?
75. Apakah faktor yang mendorong Encik Futra untuk bersara?
76. Berapa lamakah tempoh masa Encik Futra bergelar sebagai atlet Sepak Takraw negara?

77. Pada pendapat Encik Futra, sepanjang bergelar atlet negara, pasukan manakah yang paling sukar dikalahkan?
78. Adakah Encik Futra berpuas hati dengan sumbangan Encik Futra terhadap negeri dan negara?
79. Selepas bersara, adakah Encik Futra masih bergiat dalam sukan Sepak Takraw?
80. Jika masih bergiat aktif dalam sukan ini, apakah yang Encik Futra lakukan?

### **PENGALAMAN SEBAGAI PEMAIN SEPAK TAKRAW**

81. Boleh Encik Futra ceritakan apakah latihan yang paling berat yang dikenakan terhadap atlet negara terutamanya atlet Sepak Takraw?
82. Bagaimanakah masalah disiplin dalam kalangan atlet dikawal?
83. Apakah kelebihan yang perlu ada untuk menjadi seorang pemain sepak takraw Malaysia?
84. Apakah ciri-ciri penting untuk menjadi seorang atlet yang berjaya?

### **PANDANGAN MENGENAI SUKAN SEPAK TAKRAW PADA MASA HADAPAN**

85. Apakah pendapat Encik Futra terhadap dunia Sepak Takraw pada zaman sekarang?
86. Bilangan atlet lelaki atau perempuan lebih ramai?
87. Bagaimanakah cara untuk menarik minat golongan muda untuk bergiat dalam sukan Sepak Takraw?
88. Adakah bilangan pemain pelapis negara semakin bertambah dari tahun ke tahun?
89. Apakah pendapat Encik Futra tentang atlet wanita dalam dunia sukan sepak takraw?
90. Pada pendapat Encik Futra, apakah atlet wanita lebih baik berbanding atlet lelaki?
91. Sejak bilakah sepak takraw mula dimainkan oleh golongan wanita?
92. Adakah mendapat sambutan sepak takraw dalam kalangan wanita?
93. Mengenai tahap pemain pada masa sekarang, adakah perlu dipertingkatkan?
94. Apakah kelebihan dan kekurangan atlet negara pada masa sekarang?
95. Adakah corak latihan sebagai seorang pemain sepak takraw pada waktu dahulu dan sekarang berbeza?



96. Apakah kunci utama kejayaan Encik Futra sebagai seorang atlet negara sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam sukan negara?
97. Pada pendapat Encik Futra, apakah yang harus dilakukan oleh seseorang atlet agar mampu untuk mengharumkan nama Malaysia di mata dunia?
98. Boleh Encik Futra nyatakan apakah resepi kejayaan Encik Futra dalam bidang sukan?
99. Bagaimana pula cara Encik Futra mengurus dan menyeimbangkan masa antara keluarga dan kerjaya?
100. Pada pandangan Encik Futra, bagaimanakah prestasi skuad Sepak Takraw negara pada masa kini?
101. Apakah harapan Encik Futra terhadap dunia sepak takraw pada masa hadapan?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... MOHD. FUTRA B. ABDUL GHANI Pada ..... 21 MEI 2015 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

.....  
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.



Gambar 1: Bergambar Dengan Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani Setelah Selesai Sesi Temuramah



Gambar 2: Muhammad Syamil Iman Memberikan Saguhati Kepada Encik Mohd. Futra Bin Abdul Ghani Sebagai Tanda Penghargaan



Gambar 3 : Encik Mohd. Futra Menunjukkan Sedikit Demonstrasi Cara-Cara Bermain Sepak Takraw

# INDEKS

## **A**

Ayah 4, 5, 6, 7, 8, 12, 14, 15, 39, 41, 42, 69, 78

Aktif 1, 17, 18, 20, 21, 40, 41, 49, 63, 100, 101

Atlet 10, 14, 20, 21, 24, 25, 26, 28, 29, 39, 40, 45, 50, 59, 61, 62, 63, 65, 66, 67, 70, 74, 75, 78, 84, 85, 91, 94, 98, 100

Amri Yahyah 9, 10

Anugerah 60

## **B**

Bola 68, 75, 90, 91, 96, 98, 99

Bermain 5, 6, 7, 14, 15, 16, 20, 21, 25, 30, 36, 39, 40, 41, 43, 44, 47, 50, 53, 57, 61, 62, 64, 67, 72, 74, 76, 77, 84, 88, 98, 99, 101

## **E**

Emas 2, 7, 11, 15, 18, 20, 25, 27, 28, 31, 32, 33, 35, 36, 40, 41, 43, 44, 47, 50, 51, 52, 53, 54, 56, 57, 59, 64, 65, 66, 72, 76, 83, 84, 87

## **G**

Guru 3, 4, 8, 11, 12, 19

## **J**

Jurulatih 5, 14, 15, 24, 25, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 39, 57, 62, 64, 74, 87, 88, 100

## **K**

Kejohanan 1, 8, 10, 12, 15, 29, 41, 67

Kejohanan 24, 35, 41, 42, 43, 45, 48, 49, 50, 53, 59, 86, 92

## **L**

Latihan 5, 15, 29, 30, 31, 33, 44, 45, 52, 55, 61, 66, 67, 72, 76, 80, 82, 83, 86, 88, 92

## **M**

Malaysia 2, 6, 10, 13, 14, 20, 23, 24, 26, 27, 28, 32, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 47, 48, 55, 56, 57, 63, 64, 77, 78, 81, 84, 92, 93, 94, 95, 100, 101

## **N**

Negeri 5, 6, , 14, 18, 20, 24, 26, 31, 40, 43, 44, 46, 61, 62, 76, 79, 85, 86

## **S**

Sepak Takraw 1, 3, 5, 6, 7, 8, 10, 14, 15, 16, 18, 24, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 51, 52, 53, 54, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 68, 70, 72, 73, 75, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 86, 88, 89, 91, 92, 93, 94, 95, 97, 98, 99, 100, 101